05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN PENGGUNAAN MODEL '*STUDENT TEAM ACHIEVEMENT DIVISIONS*' (STAD) TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM SUBJEK PRINSIP PERAKAUNAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NOR AZZATUL AKMARISHA BINTI SERJALI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN PENGGUNAAN MODEL '*STUDENT TEAM ACHIEVEMENT DIVISIONS*' (STAD) TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM SUBJEK PRINSIP PERAKAUNAN

NOR AZZATUL AKMARISHA BINTI SERJALI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek ☐
Sarjana Penyelidikan ☐
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus ☐
Doktor Falsafah ☐

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____
_____
_____
adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

_____
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____
_____
_____
(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah _____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

_____ _____
Tarikh Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnianya saya telah diberi peluang untuk menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Disertasi ini merupakan sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana (Pendidikan) Perakaunan Dengan Kepujian. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak yang membantu saya dalam menyiapkan disertasi ini.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Dr. Hazianti binti Abdul Halim yang banyak memberi panduan dan tunjuk ajar serta bertungkus lumus menyemak dan memberi idea yang amat berguna bagi memperbaiki mutu penulisan disertasi ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih buat warga SMK Bandar Utama Damansara 3, Petaling Jaya, Selangor yang memberi peluang kepada saya dalam menjalankan kajian di sekolah ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada para pentadbir, guru panitia Prinsip Perakaunan serta pelajar-pelajar tingkatan 4 yang terlibat kerana telah memberikan kerjasama sepanjang kajian ini berlangsung.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang terlibat serta kakitangan Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberi kerjasama serta dorongan dalam menjayakan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini.

Akhir sekali penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat kedua ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dan semangat kepada saya. Mereka merupakan sumber kekuatan saya.

Kerjasama daripada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penyelidikan ini amatlah dihargai. Mudah-mudahan disertasi ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan pembelajaran model STAD terhadap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan khusus bagi topik Lejar. Kajian ini juga menilai persepsi pelajar dari segi kefahaman, motivasi, sikap dan minat pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan setelah menggunakan model STAD. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi-eksperimen telah digunakan. Pemilihan sampel melibatkan pelajar tingkatan 4 aliran sains sosial yang terdiri daripada 30 orang pelajar kumpulan rawatan dan 30 orang pelajar kumpulan kawalan. Instrumen kajian yang digunakan adalah ujian pra, ujian pasca dan soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca di mana kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang signifikan dan lebih tinggi (skor min= 18.267) berbanding dengan kumpulan kawalan (skor min= 15.133). Analisis korelasi pearson juga menunjukkan terdapat hubungan yang kuat (r= 0.745) antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar dalam ujian pasca. Hasil kajian mengenai persepsi pelajar terhadap Prinsip Perakaunan selepas menggunakan model STAD pula menunjukkan tahap kefahaman dan motivasi mereka adalah pada tahap tinggi. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan penggunaan model STAD telah meningkatkan pencapaian pelajar, kefahaman serta motivasi mereka dalam Prinsip Perakaunan. Implikasi kajian menunjukkan model STAD dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran Prinsip Perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE EFFECTIVENESS OF 'STUDENT TEAM ACHIVEMENT DIVISIONS' (STAD) MODEL TOWARDS STUDENTS' ACHIEVEMENT IN PRINCIPLES OF ACCOUNTING SUBJECT

ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the effectiveness of STAD model towards students' achievement in Principles of Accounting subject, specifically in Ledger topics. This study also evaluates students' understanding, motivation, attitude and interest in learning Principles of Accounting after using the STAD model. A quantitative approach with quasi-experimental design was used. Sample selection involves form 4 students from social science stream comprising 30 students in treatment group and 30 students in control group. The research instruments used were pre-test, post-test and a survey questionnaire. Data was analyzed using descriptive and inferential analysis. The findings shows that there was a significant difference between the treatment group and the control group in the post-test whereby the treatment group shows a significant and higher improvement (mean score= 18.267) compared to the control group (mean score= 15.133). Pearson correlation analysis also shows a strong relationship (r= 0.745) between STAD model and student achievement in post-test analysis. The results of the students' perceptions of Principles of Accounting after using the STAD model show that their level of understanding and motivation were high. The findings of this study shows that the STAD model improves students' achievement, understanding and motivation in Principles of Accounting subject. The implications of this study shows that the STAD model can enhance the learning effectiveness of Principles of Accounting.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
HALAMAN JUDUL		ii
PERAKUAN		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		viii
SENARAI RAJAH		ix
SENARAI SINGKATAN		x
SENARAI LAMPIRAN		xi
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	5
	1.2 Pernyataan Masalah	8
	1.3 Tujuan Kajian	13
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Hipotesis Kajian	15
	1.7 Kerangka Konseptual	16
	1.8 Kepentingan Kajian	18

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9	Batasan Kajian	20
1.10	Definisi Operasional	21
1.10.1	Keberkesanan	22
1.10.2	Persepsi	23
1.10.3	Pembelajaran Aktif	23
1.10.4	Pembelajaran Model *Student Team Achievement Divisions* (STAD)	24
1.10.5	Pembelajaran Secara Tradisional	24
1.10.6	Kumpulan Kawalan	25
1.10.7	Kumpulan Rawatan	25
1.10.8	Pencapaian Pelajar	26
1.11	Rumusan	28

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	29
2.1	Konsep Pembelajaran Aktif	30
2.1.1	Teori Pembelajaran Aktif	30
2.1.2	Ciri-ciri Pembelajaran Aktif	33
2.2	Model STAD Sebagai Strategi Pembelajaran Aktif	35
2.2.1	Perkembangan Model STAD	38
2.2.2	Kepentingan Penggunaan Model STAD dalam Prinsip Perakaunan	44
2.3	Perbandingan Kaedah Pembelajaran Tradisional dan STAD Terhadap Pencapaian Pelajar	48
2.4	Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran dengan Menggunakan Model STAD	56

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Kefahaman terhadap pembelajaran dengan Menggunakan Model STAD 56

2.4.2 Motivasi terhadap pembelajaran dengan Menggunakan Model STAD 57

2.4.3 Sikap terhadap pembelajaran dengan Menggunakan Model STAD 59

2.4.4 Minat terhadap pembelajaran dengan Menggunakan Model STAD 62

2.5 Rumusan 63

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan 64

3.1 Reka Bentuk Kajian 65

3.2 Lokasi Kajian 69

3.3 Populasi dan Sampel Kajian 69

3.4 Instrumen Kajian 71

3.4.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca 71

3.4.2 Soal Selidik 73

3.5 Kajian Rintis 75

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian 77

3.7 Prosedur Kajian 80

3.8 Prosedur Analisis Data 84

3.8.1 Analisis Deskriptif 84

3.8.2 Analisis Inferensi 85

3.9 Rumusan 88

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan 89

4.1 Analisis Demografi Responden 90

4.1.1 Jantina 90

4.1.2 Kelas 91

4.1.3 Bangsa 92

4.2 Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian 92

4.2.1 Persoalan Kajian 1: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pra? 92

4.2.2 Persoalan Kajian 2: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pasca? 94

4.2.3 Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan? 95

4.2.4 Persoalan Kajian 4: Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan? 96

4.2.5 Persoalan Kajian 5: Adakah Terdapat Hubungan antara Kaedah Pembelajaran Model STAD dengan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pasca? 97

4.2.6 Persoalan Kajian 6: Apakah Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD? 98

4.2.6.1 Kefahaman Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD 99

4.2.6.2 Motivasi Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD 101

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.3 Sikap Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD 103

4.2.6.4 Minat Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD 105

4.3 Rumusan 107

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan 108

5.1 Ringkasan Kajian 109

5.2 Ringkasan dan Perbincangan Dapatan Kajian 110

5.2.1 Dapatan Kajian Persoalan 1: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pra? 110

5.2.2 Dapatan Kajian Persoalan 2: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pasca? 111

5.2.3 Dapatan Kajian Persoalan 3: Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan? 112

5.2.4 Dapatan Kajian Persoalan 4: Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan? 113

5.2.5 Dapatan Kajian Persoalan 5: Adakah Terdapat Hubungan antara Kaedah Pembelajaran Model STAD dengan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pasca? 114

5.2.6 Dapatan Kajian Persoalan 6: Apakah Persepsi Pelajar terhadap Pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD? 115

5.3 Implikasi Kajian 119

5.4 Cadangan 122

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia 123

5.4.2 Cadangan Kepada Pihak Pentadbir Sekolah 124

5.4.3 Cadangan Kepada Guru 125

5.4.4 Cadangan Melaksanakan Pembelajaran Model STAD dengan Berkesan 126

5.4.5 Cadangan Kajian Lanjutan 128

5.5 Kesimpulan 129

5.6 Rumusan 130

RUJUKAN 131

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Analisis Peratusan Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan dalam SPM Tahun 2016 dan 2017	9
1.2	Pemberian Markah	22
1.3	Julat Gred Markah Menengah Atas (100%)	27
1.4	Gred Pemarkahan (20%)	27
2.1	Pemberian Markah	43
2.2	Pengiktirafan Kumpulan	44
3.1	Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca bagi Kumpulan-kumpulan Tidak Seimbang	66
3.2	Jadual Penentu Ujian Bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca	72
3.3	Item-item bagi Komponen dalam Soal Selidik	74
3.4	Pemarkahan Item-item (Skala Likert)	75
3.5	Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Test*)	76
3.6	Tahap Kebolehpercayaan Berdasarkan Nilai Koefisien dalam Ujian Cronbach Alpha	77
3.7	Item-item bagi Komponen dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca	79
3.8	Interpretasi Skor Min Mengikut Tahap	85
3.9	Interpretasi Skor Min Mengikut Gred Pemarkahan (20%)	86
3.10	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi, r	87
3.11	Hipotesis yang Diuji	87
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	91
4.2	Taburan Responden Mengikut Kelas	91
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	92

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Mengenai Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Prinsip Perakaunan Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan Dalam Ujian Pra	93
4.5	Analisis Ujian-T Tidak Bersandar Mengenai Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Prinsip Perakaunan Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan Dalam Ujian Pasca	95
4.6	Analisis Ujian-T Berpasangan Terhadap Pencapaian Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	96
4.7	Analisis Ujian-T Berpasangan Terhadap Pencapaian Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	97
4.8	Analisis Kolerasi Pearson Antara Pembolehubah Kaedah Pembelajaran Model STAD dengan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pasca	98
4.9	Kefahaman Pelajar Kumpulan Rawatan Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD	100
4.10	Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD	102
4.11	Sikap Pelajar Kumpulan Rawatan Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD	104
4.12	Minat Pelajar Kumpulan Rawatan Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD	106

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	17
2.1	Kon Pembelajaran Edgar Dale (1969)	32
2.2	Kaedah Pelaksanaan STAD	40
3.1	Prosedur Menjalankan Kajian	83

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

CIRC	Cooperative Integrated Reading and Composition
BPPP	Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan Pendidikan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EFL	English as Foreign Language
eRas	Educational Research Application System
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
GPS	Gred Purata Sekolah
JPU	Jadual Penentu Ujian
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PT3	Penilaian Tingkatan 3
RMK-11	Rancangan Malaysia ke- 11
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SKK	Sekolah Kluster Kecemerlangan
SP	Standard Pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAD	Student Team Achievement Divisions
STL	Student Team Learning
TAI	Team Accelerated Instruction

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TGT	Team-Games-Tournaments
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Ujian Pra
B	Ujian Pasca
C	Soal Selidik
D	Rancangan Pengajaran Harian- Model STAD
E	Rancangan Pengajaran Harian- Kaedah Tradisional
F	Borang EPRD
G	Surat Kebenaran UPSI
H	Borang Kelulusan Menjalankan Kajian
I	Surat Kebenaran Bertulis Ibu Bapa/ Penjaga Murid
J	Ujian Kebolehpercayaan Item
K	Analisis Skor Min
L	Analisis Ujian-t Tidak Bersandar
M	Analisis Ujian-t Berpasangan
N	Analisis Korelasi Pearson

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pendahuluan

Pendidikan adalah suatu usaha berterusan yang penting dalam pembentukan negara kerana ia melahirkan generasi yang bakal menjadi pemimpin negara. Institusi pengajian tidak kira peringkat rendah, menengah mahupun tinggi berperanan dalam mewujudkan lapisan yang dapat menjadi tunggak dalam pembentukan negara (Wahida, 2011). Golongan muda ini bertanggungjawab dalam merealisasikan hasrat negara demi kemajuan negara di masa hadapan. Justeru, pelbagai usaha telah dirancang dan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahupun Kementerian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menambahbaik dan memajukan kualiti sistem pengajaran dan pembelajaran di Malaysia (Zainudin, Mohd Zaki & Nur Azza, 2015).

Bagi mencapai hasrat KPM seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 iaitu ingin mewujudkan suasana pembelajaran abad ke-21, strategi pengajaran berpusatkan pelajar perlu lebih banyak diaplikasikan berbanding dengan pengajaran berpusatkan guru (Wahida, 2011). Oleh itu, dasar kurikulum yang dirangka haruslah memberi pemahaman kepada pelaksana kurikulum iaitu warga pendidik untuk lebih menghayati dan memahami matlamat program pendidikan yang ingin dilaksanakan. Oleh yang demikian, warga pendidik diharap dapat menterjemahkan kandungan kurikulum sesuatu mata pelajaran dengan kaedah yang lebih menarik dan lebih berkesan untuk difahami pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian oleh Mohammad Abdillah Samsuiman, Asma Benjaman dan Zamri Arifin (2014), guru perlu berusaha dalam menarik perhatian serta minat pelajar dalam sesuatu subjek. Strategi berpusatkan pengajar atau lebih dikenali sebagai kaedah pembelajaran secara tradisional dilihat tidak mampu untuk menarik minat pelajar dengan lebih mendalam pada zaman kini. Pedagogi yang berkonsepkan '*chalk and talk'* didapati kurang berkesan pada semua situasi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Sin, 2006). Oleh itu, pembelajaran tradisional boleh ditambahbaik dengan mewujudkan suasana pembelajaran aktif di dalam bilik darjah.

Strategi pembelajaran aktif menuntut pelajar untuk bergiat aktif dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Menurut Wan Hasmah dan Nur Munirah (2015) di dalam buku Siri Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran: Pembelajaran Aktif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan bahawa dalam pembelajaran aktif, pelajar belajar untuk berkongsi kejayaan bersama-sama dengan ahli kumpulan seperti yang digunakan dalam pembelajaran koperatif. Oleh yang demikian, para pengajar atau pendidik perlu memainkan peranan dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai untuk dilaksanakan. Pemilihan dan aplikasi terhadap kaedah pengajaran yang bersesuaian adalah penting bagi melahirkan generasi yang bermutu serta dapat menyumbang ke arah kemajuan negara (Sarimah, 2015). Selain itu, melalui pembelajaran aktif pelajar turut berpeluang untuk melontarkan idea mereka, membuat perbincangan dan berinteraksi sesama rakan mereka seterusnya memahirkan diri berdasarkan persekitaran yang dialami oleh mereka sendiri (Ahmad, 2013). Melalui kaedah pembelajaran aktif juga, pelajar dapat belajar dan mampu mengendalikan pembelajaran mereka sendiri kerana aspek pembelajaran kendiri dapat diterapkan (Saifulnizam & Faridah, 2017). Justeru melalui pembelajaran kendiri ini diharap ia dapat memberi kesan yang positif terhadap sikap pelajar serta dapat menambah baik kemahiran kolaborasi pelajar khususnya dalam kerja berpasukan selain daripada memberi kesan terhadap pencapaian mereka dalam Prinsip Perakaunan.

Mackeachie dan Svinicki (2006) telah memperkenalkan pelbagai strategi dan teknik pembelajaran aktif. Ia termasuklah "*modified lecture*" (berhenti untuk memberi penjelasan), "*high-stakes and low-stakes writing*", pembelajaran berasaskan masalah (kajian kes), simulasi dan permainan, pengajaran makmal, pengajaran berasaskan teknologi, pembelajaran koperatif, pembelajaran kolaboratif, dan pembelajaran bersama rakan sebaya yang merupakan antara strategi yang menyediakan pembelajaran aktif di dalam bilik darjah. Maka di sinilah peranan pembelajaran aktif iaitu memberikan ruang kepada pelajar untuk menguasai dan memahami sesuatu mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran dengan lebih baik. Pelajar diberi peluang untuk melakukan sesuatu tugasan secara berkumpulan justeru mereka akan dapat mengalami sendiri permasalahan yang dihadapi, meneroka sesuatu isu, memberikan pendapat tentang cara menyelesaikannya serta mengalami kesan daripada tindakan yang telah diambil (Wan Hasmah & Nur Munirah, 2015).

Menurut Slavin (1994), di antara kaedah-kaedah pembelajaran aktif, pembelajaran koperatif adalah kaedah yang mempunyai banyak struktur dan kaedah pengajaran. Antara kaedah dalam pembelajaran koperatif adalah STL (*Student Team Learning*), STAD (*Student Team Achievement Divisions*), TGT (*Team-Games-Tournaments*), Jigsaw, TAI (*Team Accelerated Instruction*), CIRC (*Cooperative Integrated Reading and Composition*), etc. Walau bagaimanapun berdasarkan kajian Aryani (2016) antara kaedah koperatif yang lain, STAD diklasifikasikan sebagai salah satu kaedah pembelajaran koperatif yang paling senang dipraktikkan dan telah melalui banyak penyelidikan melalui pengajaran pelbagai subjek dan gred. Oleh itu, pengkaji memilih model STAD di antara semua kaedah koperatif yang lain sebagai strategi dalam pembelajaran aktif bagi Prinsip Perakaunan.

Model STAD adalah antara alternatif atau pendekatan yang sesuai digunakan untuk pembelajaran yang memerlukan pengiraan dan konsep seperti mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Ini turut disokong oleh Monchai dan Sanit (2013) di mana pembelajaran model STAD berfungsi sebagai kaedah pembelajaran yang mempunyai objektif yang jelas dengan jawapan berbentuk tunggal seperti pengiraan dan aplikasi dalam matematik, penerapan bahasa dan mekanik, geografi dan peta, serta sains dan konsep.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian Monchai dan Sanit (2013) turut mendedahkan bahawa pembelajaran model STAD memerlukan pelajar bekerjasama dalam pasukan. Ini kerana mereka perlu mendapatkan informasi dan menyelami konsep yang telah diajar oleh guru berdasarkan lemabaran kerja yang diberikan kepada mereka. Hal ini bertepatan dengan subjek Prinsip Perakaunan di mana kaedah STAD sesuai diaplikasikan kerana subjek tersebut memerlukan lembaran kerja dalam setiap urusniaga yang perlu direkod. Kaedah STAD juga antara salah satu pembelajaran aktif kerana ia mendorong pelajar untuk mengambil bahagian atau melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran (Wan Hasmah & Nur Munirah, 2015).

Melalui pendekatan ini pelajar juga berkesempatan untuk melontarkan idea, membuat perbincangan dan berinteraksi serta belajar melalui pengalaman mereka sendiri (Ahmad, 2013). Justeru itu, satu perubahan dalam kaedah PdPc iaitu memperkenalkan kaedah pembelajaran model STAD sebagai strategi pembelajaran akif bagi subjek Prinsip Perakaunan diperlukan dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar.

1.1 Latar Belakang Kajian

Prinsip Perakaunan merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan di peringkat menengah atas. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan dirangka untuk melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan, berakauntabiliti, berfikiran kritikal dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan. Seterusnya individu tersebut boleh membuat keputusan, peka terhadap kesan-kesannya, bertanggungjawab dan dapat mengaplikasikannya dalam kerjaya dan kehidupan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Peranan pendidikan Prinsip Perakaunan dapat dilihat dalam konteks bagi memenuhi aspirasi negara melalui Rancangan Malaysia ke- 11 (RMK-11) iaitu menjelang tahun 2016 hingga 2020. Terdapat enam teras strategik yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri keenam iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak antaranya ialah merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran (Utusan, Mei 2015). Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa bidang keusahawanan menjadi elemen penting dalam mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya saing dalam ekonomi kerana ia membantu pertumbuhan ekonomi dari segi peluang pekerjaan dan produktiviti negara. Justeru salah satu ciri penting bagi usahawan yang berjaya ialah memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam aspek perakaunan. Oleh yang demikian, kurikulum dalam Prinsip Perakaunan direka bentuk untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten dalam profesion keusahawanan.

Berikut adalah objektif kurikulum dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan:

- Menghuraikan konsep, prinsip, andaian dan kitaran perakaunan yang diamalkan dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan;
- Mengaplikasikan prinsip pengurusan tunai dalam penyediaan buku tunai, buku tunai runcit, penyata penyesuaian bank dan belanjawan tunai;
- Mengaplikasi analisis kos-volum untung untuk membuat keputusan;
- Membandingkan jenis pemilikan perniagaan daripada aspek perakaunan bagi milikan tunggal, perkongsian, syarikat, koperasi dan organisasi bukan perniagaan;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Menganalisis, mentafsir dan menilai prestasi kewangan sesebuah perniagaan menggunakan analisis nisbah;
- Mempamer kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, pengurusan dan kepimpinan serta etika profesion perakaunan dalam melaksanakan aktiviti perakaunan
- Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam bidang perakaunan secara efektif dan efisien; dan
- Menyediakan satu set akaun mengikut kitaran perakaunan untuk perniagaan milikan tunggal; penyata kewangan untuk perniagaan perkongsian, kelab dan persatuan serta situasi rekod tak lengkap mengikut tatacara dan amalan perakaunan

(Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM Prinsip Perakaunan, 2016, p.2)

Dalam konteks DSKP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016) turut menjelaskan bahawa salah satu daripada hasrat KSSM iaitu untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri seperti berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir dan kerja sepasukan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pembelajaran aktif yang memerlukan penglibatan pelajar seperti model STAD adalah salah satu kaedah pembelajaran yang dapat menjadi penyumbang utama dalam melahirkan pelajar yang menepati ciri-ciri kemahiran abad ke-21.

Sehubungan dengan itu, sudut yang akan dikupas dalam kajian ini merangkumi strategi pembelajaran aktif dengan menggunakan pendekatan model STAD. Model STAD dilihat dapat menyemai sikap dan semangat pelajar dalam kerja berpasukan selain daripada mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Ini turut diperjelaskan dalam DSKP Prinsip Perakaunan melalui ciri kerja sepasukan iaitu pelajar dapat menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Selain itu, mereka turut memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

Bagi mencapai hasrat dalam DSKP Prinsip Perakaunan, suatu pendekatan baru selain daripada kaedah pembelajaran tradisional perlu diguna pakai iaitu dengan memperkenalkan model STAD sebagai kaedah pembelajaran dalam PdPc bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Maka satu kajian dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah di sebuah sekolah kawasan bandar untuk melihat sejauh mana keberkesanan pembelajaran model STAD sebagai suatu strategi pembelajaran aktif dalam usaha meningkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Ia diukur melalui keberkesanan dalam pencapaian serta persepsi pelajar terhadap pembelajaran melalui pendekatan model STAD. Fokus yang ditumpukan dalam kajian ini adalah keberkesanan kaedah pembelajaran model STAD terhadap kedua-dua kumpulan pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

1.2 Pernyataan Masalah

Laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (2018) melaporkan bahawa nilai Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi Prinsip Perakaunan menunjukkan penurunan daripada 4.52 pada tahun 2016 kepada 4.29 pada tahun 2017. Penurunan nilai GPMP adalah disebabkan terdapat penurunan peratusan calon yang mendapat gred kepujian dan gred

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lulus. Keputusan peperiksaan SPM bagi Prinsip Perakaunan bagi tahun 2016 dan 2017 dibandingkan dalam Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1

Analisis Peratusan Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan dalam SPM Tahun 2016 dan 2017

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus D, E	A+ hingga E	Gagal G	Bil. Pelajar Duduki	GPMP
3756	Prinsip Perakaunan	2017	34.3	35.7	23.9	93.9	6.1	66,770	4.29
		2016	30.7	38.4	24.0	93.1	6.9	66,129	4.52
		Beza	3.6	-2.7	-0.1	0.8	-0.8	641	-0.23

Sumber: *Lembaga Peperiksaan Malaysia (2018)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2017, sebanyak 35.7% pelajar yang mendapat gred kepujian berbanding dengan 38.4% pada tahun 2016. Ini menunjukkan terdapat penurunan bagi jumlah pelajar yang memperoleh gred kepujian dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Peratus pelajar yang mendapat gred lulus juga menunjukkan penurunan di mana pada tahun 2017 hanya 23.9% pelajar berbanding dengan tahun 2016 iaitu 24.0%. Perbezaan peratus pelajar yang mendapat gred kepujian dan gred lulus ini menjurus kepada penurunan nilai GPMP Prinsip Perakaunan. Situasi ini memberi cabaran besar terutama kepada pentadbir dan guru di mana penurunan ini perlu diteliti supaya nilai GPMP dapat ditingkatkan dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di samping mengatasi masalah yang wujud dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada penurunan nilai GPMP Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan SPM, kajian ini juga diperlukan bagi membantu pelajar mengatasi masalah yang wujud dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan seperti teknik penghafalan konsep dan format. Menurut Hsu, Yen dan Lai (2013), dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan, pelajar sering menghafal maklumat yang diberikan oleh guru dengan hanya memfokuskan tentang 'bagaimana' berbanding dengan 'kenapa'. Ini menyebabkan pelajar mempunyai masalah untuk menganalisis, membuat andaian, berkomunikasi dan menyelesaikan masalah. Pelajar perlu memahami dengan mendalam tentang sesuatu subtopik itu dan bukannya sekadar menghafal semata-mata. Kefahaman pelajar akan menjurus kepada pemprosesan maklumat pada aras yang lebih tinggi di mana dapat meningkatkan daya ingatan dan melatih pelajar untuk berfikir secara kritis. Keadaan ini memberi cabaran kepada guru-guru abad ke-21 untuk mengaplikasikan strategi pengajaran yang lebih efektif. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilaksanakan supaya tahap kefahaman pelajar dalam Prinsip Perakaunan dapat ditingkatkan.

Kaedah PdPc yang dipraktikkan sehingga kini juga dilihat masih tertumpu kepada kaedah tradisional iaitu pembelajaran berpusatkan guru (Bhavani & Zamri, 2017). Kebanyakan guru kurang memberi perhatian untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran kerana terlalu menumpukan kepada usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan penguasaan teknik menjawab soalan peperiksaan (Bhavani & Zamri, 2017). Hal ini mengakibatkan pelajar mudah bosan serta tidak menunjukkan minat dalam sesuatu pembelajaran yang disampaikan seterusnya penglibatan mereka di dalam bilik darjah akan bersifat pasif semata-mata. Oleh itu, kaedah pembelajaran model STAD dipilih dalam kajian ini bertujuan bagi meningkatkan tahap minat pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, kaedah tradisional yang masih dilaksanakan dalam pembelajaran adalah tidak relevan lagi digunakan kerana tugas guru pada hari ini adalah sebagai pemudah cara atau fasilitator sahaja (Syaza, Shamsudin & Azhar, 2017). Kenyataan ini turut disokong oleh Zainun, Zanaton dan Norziah (2013) yang menyatakan kaedah tradisional lebih banyak didominasi oleh guru berbanding pelajar. Malahan kaedah pembelajaran tradisional yang lebih bersifat autokratik ini sudah tidak wajar lagi dilaksanakan kerana kurang memberi impak kepada penguasaan pembelajaran kepada murid (Syaza, Shamsudin & Azhar, 2017). Oleh itu, keupayaan pelajar untuk mengembangkan kemahiran belajar mereka akan terbatas. Ini turut menyebabkan pelajar kurang bermotivasi untuk memajukan diri. Pelajar akan kurang berinteraksi sesama rakan mereka mahupun dengan guru sendiri sekiranya pembelajaran tradisional masih diteruskan. Oleh yang demikian, model STAD diperkenalkan sebagai suatu strategi pembelajaran aktif adalah wajar dilaksanakan agar pedagogi yang berfokuskan pelajar dan berorientasikan aktiviti menjadi suatu pendekatan atau alternatif yang terbaik dalam PdPc seterusnya mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.

Pendekatan pengajaran yang digunakan di sesetengah sekolah juga dilihat masih berada pada tahap yang lama dan kurang relevan disebabkan pentadbir dan guru-guru adalah generasi terdahulu dan berbeza pendekatan pembelajaran mereka dengan pelajar pada era kini. Kebanyakan pentadbir sekolah adalah dalam kalangan generasi X, guru-guru tergolong dalam generasi Y dan pelajar pula terdiri daripada generasi Z. Generasi Z adalah mereka yang lahir antara tahun 2000 – 2025 (Thomas dan Srinivasan, 2016). Lantaran konteks ruang lingkup persekitaran generasi Z yang sememangnya berlainan daripada generasi yang terdahulu telah menyebabkan cara berfikir mereka turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbeza. Pendekatan tradisional yang masih digunakan di sesetengah sekolah tidak menepati kehendak dalam menyediakan pelajar ke arah alam pekerjaan yang bakal ditempuhi. Sedangkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, mampu berkomunikasi, kemahiran dalam menyelesaikan masalah perlu ada sebagai persediaan melangkah ke alam pekerjaan kelak (Zainun, Zanaton & Norziah, 2013). Justeru kajian ini diperlukan bagi memastikan pelajar mempunyai persepsi dan sikap yang positif dalam persediaan menghadapi alam pekerjaan sebenar.

Terdapat banyak kajian mengenai pembelajaran aktif berbentuk eksperimen telah dijalankan di sekolah-sekolah di Malaysia khususnya yang menggunakan pendekatan pembelajaran model STAD seperti kajian Rozita, Latifah dan Fadzilah (2017) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, kajian Noraziah (2016) bagi mata pelajaran Fizik dan kajian Nurulhuda (2014) bagi mata pelajaran Matematik. Namun begitu, kajian penggunaan model STAD dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan khususnya kajian berbentuk eskperimen tidak banyak dikaji secara meluas lagi di Malaysia. Diharap kajian yang dilaksanakan ini dapat memberi sumbangan dari aspek metodologi khususnya bagi kajian eksperimen dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Secara keseluruhannya, kajian yang ingin dilaksanakan ini penting bagi memastikan penggunaan model STAD dapat meningkatkan pencapaian pelajar serta mengenalpasti tahap keberkesanannya dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan pembelajaran model STAD terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti persepsi pelajar dari segi kefahaman, motivasi, sikap dan minat mereka terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran menggunakan model STAD dalam PdPc bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan di sekolah. Manakala objektik khusus kajian ini dijalankan adalah untuk:

i. Mengenal pasti perbezaan tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra
ii. Mengenal pasti perbezaan tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca
iii. Mengenal pasti perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan
iv. Mengenal pasti perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan
v. Mengenal pasti hubungan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar dalam ujian pasca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD.

1.5 Persoalan Kajian

Soalan-soalan kajian dibentuk adalah berdasarkan kepada tujuan dan objektif yang dijelaskan sebelum ini. Persoalan kajian yang dikaji adalah seperti yang berikut:

i. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra?
ii. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca?
iii. Adakah terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan?
iv. Adakah terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan?
v. Adakah terdapat hubungan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar dalam ujian pasca?
vi. Apakah persepsi pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab semua persoalan kajian yang dikemukakan, pengkaji menggunakan lima hipotesis. Berikut adalah hipotesis yang digunakan:

H_{01}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra

H_{02}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca

H_{03}: Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{04}: Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan

H_{05}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar dalam ujian pasca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 berikut menunjukkan kerangka konseptual kajian yang digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Ia dibina berdasarkan keperluan pengkaji bagi mengenal pasti keberkesanan kaedah pembelajaran model STAD terhadap pencapaian pelajar serta menilai persepsi pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Keberkesanan Penggunaan Model '*Student Team Achievement Divisions*' (STAD) ke atas pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 dalam Prinsip Perakaunan. Kaedah pelaksanaan STAD diadaptasi daripada Monchai dan Sanit (2013) yang diolah daripada kajian Slavin (2005)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kepentingan Kajian

Sesebuah kajian haruslah memberi implikasi yang signifikan supaya ia dapat menyelesaikan sesuatu isu atau masalah yang ingin dikaji. Pembelajaran model STAD adalah salah satu kaedah pembelajaran yang digunakan oleh pengkaji dalam memastikan pembelajaran aktif diterapkan dalam PdPc. Pembelajaran model STAD yang memerlukan pelajar untuk berada di dalam beberapa kumpulan kecil ini selaras dan menepati objektif dalam DSKP Prinsip Perakaunan iaitu ingin mewujudkan suasana kerja berpasukan semasa proses PdPc. Implikasi daripada kajian ini diharap dapat menyumbang hasil yang bermanfaat kepada pelbagai pihak terutama yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan iaitu pelajar, guru-guru, pentadbir sekolah, pihak kementerian dan penggubal dasar kurikulum. Ia penting untuk memastikan peningkatan dalam pencapaian pelajar khususnya dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

Melalui kaedah pembelajaran model STAD, pelajar diberi peluang untuk bergiat aktif dalam proses PdPc di mana kemahiran sosial dapat dibentuk semasa pelajar berada di dalam kumpulan kecil. Kemahiran sosial ini dapat meningkatkan kualiti komunikasi dua hala seperti komunikasi antara pelajar dengan pelajar yang lain atau komunikasi pelajar dengan guru itu sendiri. Di samping itu, menerusi kaedah pembelajaran model STAD juga tidak akan menyebabkan pelajar terikat dengan hanya satu kaedah pembelajaran sahaja seperti sebelumnya. Justeru, ia akan membantu mereka dalam mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian ini sangat bermanfaat untuk membantu guru dalam meningkatkan kualiti pedagogi mereka iaitu dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam bilik darjah. Ini membantu guru untuk mengenalpasti pelajar yang berkemungkinan tidak memahami atau bosan dengan mata pelajaran yang hanya diajar dengan kaedah pengajaran yang sedia ada sahaja. Seterusnya melalui kajian ini juga, guru dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam menggunakan kaedah pembelajaran yang berlainan seperti pendekatan model STAD dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

Kajian ini turut memberi sumbangan terhadap keperluan sekolah dalam merangka strategi pengajaran yang lebih efektif sekaligus memberi panduan berkaitan usaha meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan mata pelajaran lain juga. Melalui peningkatan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan ia sekaligus dapat meningkatkan GPMP Prinsip Perakaunan yang mana turut menyumbang kepada kualiti Gred Purata Sekolah (GPS).

Di samping itu, kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) penggubal dasar kurikulum khususnya sekolah menengah harian di seluruh Malaysia dalam menyediakan keperluan dan persediaan yang mencukupi bagi melaksanakan kaedah pembelajaran model STAD untuk setiap mata pelajaran. Selain itu, pihak kementerian dapat membuat penilaian berterusan terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran aktif khususnya menggunakan pendekatan model STAD dalam PdPc iaitu dengan cara menambahbaik kurikulum sedia ada kepada kurikulum baharu pada masa hadapan. Untuk menjamin kelancaran penggunaan kaedah model STAD dalam PdPc, pihak kementerian juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu memberi peruntukan secukupnya bagi mengadakan pelbagai kursus di peringkat daerah mahupun negeri . Ini supaya para guru dapat didedahkan dengan lebih jelas lagi tentang penggunaan strategi pembelajaran aktif dalam PdPc.

Justeru itu, hasil sumbangan kajian ini diharapkan dapat membantu semua pihak yang berkaitan dalam melancarkan lagi pelaksanaan pembelajaran aktif khususnya model STAD. Ia juga diharap dapat menjadi salah satu alternatif dalam merancang strategi pembelajaran aktif yang melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek mahupun kemahiran sosial.

1.9 Batasan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini berfokus kepada pelaksanaan pembelajaran model STAD di mana alternatif atau kaedah yang lain tidak difokuskan. Terdapat batasan kajian yang lain seperti sampel kajian yang hanya berfokus kepada pelajar Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan di SMK Bandar Utama Damansara (3), Petaling Jaya, Selangor. Kelas yang terlibat adalah dua daripada tiga kelas yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan sebagai subjek elektif mereka. Ujian Pra dan Ujian Pasca yang dilaksanakan pula hanya mengambil kira satu topik dalam tingkatan 4 sahaja iaitu bab 5, Lejar.

Kajian ini juga terbatas dari aspek penggunaan masa di mana pengkaji perlu mendapatkan kesesuaian waktu untuk menjalankan kajian lapangan. Pengkaji terbatas dalam mencari waktu yang sesuai dan perlu menepati jadual waktu yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditetapkan oleh pihak sekolah. Oleh yang demikian, pengkaji perlu mengambil masa bagi subjek tertentu untuk menjalankan kajian. Ini penting kerana keadaan persekitaraan pelajar dan kesuntukan masa juga mungkin mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar dalam ujian.

Selain itu, kajian ini juga terbatas dari sudut reka bentuk kajian di mana kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuasi-eksperimen. Sebanyak 30 orang pelajar kumpulan rawatan dan 30 orang pelajar kumpulan kawalan dipilih sebagai sampel kajian maka ini bermaksud responden yang dipilih untuk kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar seperti mewakili pelajar-pelajar tingkatan 4 di seluruh negeri di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah perlu dijelaskan dalam kajian ini dengan lebih terperinci. Istilah-istilah dihuraikan bagi menyampaikan maksud dengan lebih jelas supaya ia dapat difahami dan tidak disalah tafsir. Berikut adalah definisi kepada istilah-istilah yang digunakan dalam kajian:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.1 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), keberkesanan ialah perihal berkesan, berkesannya sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya. Ia menyebabkan berlakunya sesuatu perubahan ke atas pemikiran atau tingkah laku seseorang.

Dalam kajian ini, keberkesanan yang diukur adalah berpandukan kepada peningkatan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan setelah mengggunakan pendekatan model STAD dalam pembelajaran. Peningkatan pencapaian pelajar diukur dengan membandingkan skor pencapaian dalam ujian pra dan ujian pasca yang diperoleh bagi kedua-dua kumpulan. Jadual 1.2 menunjukkan jadual pemberian markah berdasarkan skor pencapaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Pemberian Markah

Sekiranya skor ujian pasca adalah..	Pelajar akan mendapat skor..
1. mata penuh	20
2. lebih 10 mata daripada skor asas	20
3. 1 – 9 mata daripada skor asas	15
4. sama dengan markah ujian pra atau kurang	10
1 – 4 mata daripada markah ujian pra	
4. Lebih 5 mata kurang daripada markah ujian pra	5

Diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan model Slavin (1995)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2 Persepsi

Menurut Robbins (2003), persepsi merupakan kesan yang diperoleh oleh individu melalui pancaindera yang kemudiannya dianalisis, diterjemahkan dan dinilai sehingga individu tersebut memperoleh makna. Manakala dalam Cambridge International Dictionary of English (1995: 1047) mendefinisikan *perception* (persepsi) sebagai *"a belief or opinion, often held by many people on appearances"* atau dalam Bahasa Melayu ia boleh ditafsirkan sebagai "suatu kepercayaan atau pendapat yang kebiasaannya diberikan oleh orang ramai berdasarkan pemerhatian".

Dalam kajian ini, persepsi pelajar diukur dengan mengenal pasti pandangan atau pendapat pelajar kumpulan rawatan terhadap pelaksanaan model STAD dalam pembelajaran mereka. Ia dilihat dari sudut kefahaman, motivasi, sikap dan minat pelajar terhadap pembelajaran mereka.

1.10.3 Pembelajaran Aktif

Menurut Wan Hasmah dan Nur Munirah (2015), pembelajaran aktif ialah pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Pelajar sendiri yang memainkan peranan dan bergiat aktif semasa proses pembelajaran. Pelajar terlibat dengan aktiviti yang telah dirancang oleh guru dan guru hanya bertindak memberikan arahan dan berperanan sebagai pemudah cara sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pelajar dari kumpulan rawatan bergiat aktif semasa pelaksanaan pembelajaran model STAD dijalankan oleh guru.

1.10.4 Pembelajaran Model '*Student Team-Achievement Divisions'* (STAD)

Model '*Student Team-Achievement Divisions'* (STAD) atau 'Bahagian Pencapaian Pasukan Pelajar' telah direka oleh Robert Slavin dan rakan-rakannya. Model STAD didefinisikan sebagai kaedah pembelajaran yang berkesan dalam suasana bilik darjah di mana pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran dalam satu pasukan serta menerima ganjaran dan pengiktirafan berdasarkan skor pasukan mereka (Slavin, 1980).

Dalam kajian ini, kaedah pembelajaran model STAD diaplikasikan kepada pelajar kumpulan rawatan iaitu seramai 30 orang dari kelas 4 Teratai. Pelajar kumpulan rawatan yang terlibat perlu memainkan peranan dengan memastikan diri serta ahli kumpulan mereka menyempurnakan tugasan yang diberikan oleh guru.

1.10.5 Pembelajaran Secara Tradisional

Menurut Wurdinger dan Enloe (2011), pembelajaran secara tradisional adalah merupakan pembelajaran yang berasaskan pengajaran guru dengan cara memberi kuliah, memberi latihan sebagai pengukuhan dan melalui hafalan fakta-fakta penting bagi menghadapi peperiksaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pengajaran dan pembelajaran secara tradisional memberi maksud kepada kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lazim dipraktikkan di sekolah seperti kuliah dan perbincangan. Pengkaji juga menakrifkan bahawa pendekatan tradisional merupakan pendekatan yang berpusatkan guru. Penekanan diberikan terhadap pencapaian akademik sahaja dan melalui kaedah pengajaran ini pelajar kurang berinteraksi dalam melaksanakan tugasan mereka.

1.10.6 Kumpulan Kawalan

Menurut Shadish, Cook dan Campbell (2002), dalam kajian kuasi-eksperimen, kumpulan kawalan adalah kumpulan yang tidak menerima rawatan atau tidak terlibat dengan sebarang program intervensi yang dijalankan.

Dalam kajian ini, kumpulan kawalan adalah pelajar daripada tingkatan 4 Kenanga yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan di mana kaedah pembelajaran mereka adalah berasaskan kaedah pembelajaran tradisional dalam topik Lejar.

1.10.7 Kumpulan Rawatan

Menurut Campbell dan Stanley (1963), kumpulan rawatan ialah kumpulan yang terlibat dalam menjalani program intervensi atau rawatan. Dalam kajian kuasi-eksperimen, pelajar daripada kedua-dua kumpulan rawatan dan kawalan perlu mempunyai sifat-sifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hampir sama supaya dapat membandingkan hasil di antara pelajar yang mendapat rawatan dan pelajar yang tidak mendapat rawatan.

Dalam kajian ini, kumpulan rawatan adalah pelajar daripada tingkatan 4 Teratai yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan kaedah pembelajaran mereka adalah berasaskan kaedah pembelajaran model STAD dalam topik Lejar.

1.10.8 Pencapaian Pelajar

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), pencapaian pelajar adalah kemajuan mereka dalam pembelajaran di mana ia diperoleh melalui aktiviti atau tindakan lanjutan yang efektif dalam pengajaran guru. Pencapaian pelajar sentiasa menjadi ukuran kepada keberhasilan proses pembelajaran yang dialami pelajar dalam bilik darjah.

Dalam konteks kajian ini, pencapaian pelajar lebih memberi fokus kepada gred permarkahan yang diperoleh pelajar dalam ujian pra dan dan ujian pasca. Ia diukur melalui perbandingan markah antara ujian pra dan ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Perbezaan signifikan yang ditunjukkan dalam ujian pasca berbanding ujian pra bermakna seseorang pelajar tersebut menunjukkan peningkatan dalam pencapaian mereka. Berdasarkan ujian yang diberi, pelajar diuji dengan soalan berbentuk objektif dan subjektif bagi tajuk Lejar. Kemudian, pencapaian pelajar dalam ujian diukur berdasarkan gred pemarkahan (20%) seperti dalam Jadual 1.4 yang telah diubahsuai daripada Julat Gred Markah Menengah Atas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(100%) dalam Jadual 1.3. Ia diubahsuai berdasarkan jumlah soalan yang terdapat dalam ujian pra dan ujian pasca di mana bahagian objektif terdapat 10 soalan manakala bahagian subjektif mempunyai satu soalan. Pengkaji memperuntukkan 10 markah bagi setiap bahagian tersebut.

Jadual 1.3

Julat Gred Markah Menengah Atas (100%)

Markah	Gred	Catatan
90 – 100	A+	Cemerlang Tertinggi
80 – 89	A	Cemerlang Tinggi
75 – 79	A-	Cemerlang
70 – 74	B+	Kepujian Tertinggi
65 – 69	B	Kepujian Tinggi
60 – 64	C+	Kepujian Atas
50 – 59	C	Kepujian
40 – 49	D	Lulus Atas
30 – 39	E	Lulus
0 – 29	G	Gagal

Sumber: *Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (2016)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.4

Gred Pemarkahan (20%)

Markah	Gred	Catatan
16 – 20	A	Baik
11 – 15	B	Sederhana
6 – 10	C	Lemah
0 – 5	D	Sangat Lemah

Diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Rumusan

Bab ini menerangkan tentang kajian yang ingin dijalankan termasuk latar belakang, pernyataan masalah dan keperluan kajian ini dilaksanakan. Pengkaji turut menyatakan objektif dan persoalan kajian yang ingin dirungkaikan berdasarkan pernyataan masalah. Bab seterusnya membincangkan kajian terdahulu mengenai pembelajaran model STAD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan dengan pembelajaran model STAD di dalam negara mahupun di luar negara. Antara aspek yang disentuh dalam tinjauan ini adalah dari segi konsep dan teori pembelajaran aktif, perkembangan model STAD sebagai strategi pembelajaran aktif, kepentingan penggunaan model STAD dalam pembelajaran khususnya bagi subjek Prinsip Perakaunan, kajian-kajian lepas mengenai kaedah pembelajaran secara tradisional dan pembelajaran model STAD di dalam dan luar negara serta rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Konsep Pembelajaran Aktif

Menurut Wan Hasmah dan Nur Munirah (2015) pembelajaran aktif ialah strategi pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Strategi ini melibatkan pelajar untuk memainkan peranan dan bergiat aktif semasa proses pembelajaran. Pelajar ini terlibat dengan aktiviti yang telah dirancang oleh guru manakala guru pula bertindak dengan memberikan arahan dan berperanan sebagai pemudah cara atau fasilitator sahaja. Penglibatan pelajar secara aktif secara tidak langsung dapat mewujudkan suasana pembelajaran aktif.

Pembelajaran aktif merangkumi cara seseorang memperoleh maklumat atau pengetahuan dengan mencampurkan beberapa elemen seperti kemahiran mendengar, melihat dan mempraktikkan melalui pengalaman dengan tujuan mengekalkan daya ingatan serta membolehkan sesuatu konsep atau fakta dengan difahami dengan lebih jelas. Definisi pembelajaran aktif juga boleh dijelaskan sebagai satu strategi pengajaran dan pembelajaran yang mendorong pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses dan aktiviti pembelajaran melalui penulisan, perbincangan, penyelesaian masalah atau refleksi (Akmaliza, 2016).

2.1.1 Teori Pembelajaran Aktif

Pendekatan pembelajaran aktif diperjelaskan lagi dalam kajian Dale (1969) iaitu Teori Kon Pembelajaran Edgar Dale (Rajah 2.1), pelajar hanya akan mengingati 10% perkara yang mereka baca, 20% perkara yang mereka dengar dan 30% perkara yang mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lihat. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran yang melibatkan pendekatan verbal dan visual (baca, dengar dan lihat) seperti yang diaplikasikan dalam kaedah pengajaran tradisional akan menyebabkan penglibatan pelajar pasif semata-mata. Berbanding dengan 70% kadar ingatan jika seseorang pelajar itu melakukan perkara yang diperkatanya seperti pendekatan dalam pembelajaran aktif yang lebih berpusatkan pelajar. Dalam teori Piaget juga ada menyatakan kanak-kanak tidak menerima pengetahuan secara pasif tetapi menerima dan membina pengetahuan baru melalui aktiviti (Hafiza, 2012).

Oleh itu, ternyata kaedah pembelajaran aktif ini dapat membantu pelajar mengingati sesuatu ilmu yang dipelajarinya dan pelajar turut berpeluang melakukan aktiviti yang dirancang oleh guru semasa proses pembelajaran. Berikut adalah Kon Pembelajaran Edgar Dale (1969) yang menunjukkan peratusan penerimaan pelajar yang berbeza apabila mengikut sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Kon Pembelajaran Edgar Dale (1969)

Berdasarkan teori Kon Pembelajaran Edgar Dale (1969), dapat disimpulkan bahawa pelajar tidak mendapat banyak input sekiranya mereka hanya melihat dan mendengar penerangan guru di dalam kelas. Mereka akan lebih banyak belajar apabila mereka bercakap tentang apa yang mereka telah pelajari, menulis apa yang telah difahami dan dipelajari, menghubungkan pelajaran yang lepas dengan pengalaman sedia ada mereka, serta mempraktiskannya dalam kehidupan seharian. Ini adalah penting supaya menggalakkan pelajar beralih daripada menghafal kepada memahami pembelajaran itu sendiri. Oleh itu, guru hendaklah memainkan peranan merancang pengajaran di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelas dengan mengaplikasikan strategi pembelajaran aktif dalam aktiviti yang dilakukan di dalam kelas supaya pembelajaran yang terhasil lebih berkesan dan bermakna.

2.1.2 Ciri-ciri Pembelajaran Aktif

Dalam kajian Halim dan Muhibah (2015), antara ciri yang boleh dilihat dalam pembelajaran aktif ialah kerja berkumpulan, kerjasama, pembelajaran berpusatkan bahan atau sumber pendidikan, ketanggungjawaban pelajar di atas pembelajaran mereka, guru sebagai fasilitator, pelajar mengeluarkan idea dan kerja sendiri, kemahiran proses idea dihargai, disiplin diri, pelajar sebagai sumber pengetahuan dan idea, penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan kaedah pengajaran yang pelbagai digunakan. Kaedah pengajaran dalam strategi pembelajaran aktif boleh dilaksanakan dalam bentuk pembacaan dan penulisan aktif, perbincangan, sumbang saran, wawancara, perbahasan, pembelajaran berbantukan komputer, lawatan, simulasi, mereka bentuk, permainan, kerja projek, kajian kes dan main peranan.

Menurut Wan Hasmah dan Nur Munirah (2015) pula, pembelajaran aktif berpaksikan ciri berikut iaitu;

- Pelajar tertarik dan berasa seronok untuk mengikuti aktiviti pembelajaran
- Pelajar boleh mengambil bahagian atau melibatkan diri
- Pelajar boleh menghayati situasi pembelajaran
- Pelajar dapat memahami kandungan sesuatu mata pelajaran
- Pelajar belajar dalam kumpulan
- Pelajar belajar secara aktif dari awal hingga akhir sesi pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen pembelajaran aktif perlu dimasukkan ke dalam PdPc supaya pelajar mampu mencerap pembelajaran dengan lebih berkesan apabila mereka terlibat secara langsung dan aktif dalam proses pembelajaran berbanding dengan kaedah tradisional. Ini dapat mengoptimumkan potensi dan motivasi pelajar dalam pembelajaran di samping dapat memberikan kebebasan kepada pelajar untuk berfikiran kritikal dan kreatif (Akmaliza, 2016).

Pembelajaran aktif juga penting kerana di sini peranan guru dan pelajar kelihatan lebih jelas. Seperti yang telah dihuraikan sebelum ini, guru bertindak sebagai fasilitator manakala pelajar pula bertanggungjawab sepenuhnya dalam pembelajaran mereka sendiri. Hal ini kerana guru merupakan penggerak bagi aktiviti yang dirancang pada awal sehingga akhir sesuatu pembelajaran. Berikut adalah peranan guru dalam pembelajaran aktif:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Mempelbagaikan kaedah pengajaran
- Memilih kaedah pengajaran yang sesuai
- Memberi penerangan yang jelas tentang aktiviti yang dijalankan
- Mengurus dan mematuhi masa pengajaran
- Menerima idea dan pandangan pelajar

(Wan Hasmah dan Nur Munirah, 2015)

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa pembelajaran aktif bukan sahaja melibatkan pelajar untuk bergiat aktif di dalam pembelajaran mereka sahaja bahkan guru juga mempunyai peranan yang lebih jelas iaitu bertindak sebagai fasilitator atau pemudah cara dalam memastikan objektif pembelajaran aktif tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Model STAD sebagai Strategi Pembelajaran Aktif

Pembelajaran bukan sahaja mendengar, mencatat, dan mengingat apa yang telah diajar oleh guru, tetapi ia sebenarnya lebih daripada itu. Malahan sesuatu pembelajaran tersebut mestilah memberi hasil yang berkesan dan bermakna dalam diri seseorang pelajar. Hal ini kerana kaedah pengajaran yang efektif penting bagi melahirkan golongan muda yang berkualiti serta dapat menyumbangkan produktiviti demi kemakmuran negara (Sarimah, 2015).

Lantaran itu, bagi menghasilkan sesuatu pembelajaran yang berkesan antaranya ialah guru perlu menggunakan kaedah perbincangan secara kumpulan (Wan Hasmah dan Nur Munirah (2015). Hal ini kerana pelajar berpeluang untuk mengeluarkan pendapat, membuat perbincangan bersama rakan-rakan serta menonjolkan bakat dan keupayaan masing-masing dalam melakukan sesuatu tugasan. Selain itu, pelajar juga saling membantu sesama mereka dengan berkongsi ilmu dan turut berpeluang belajar daripada pelajar lain. Sesetengah pelajar lebih terbuka untuk bertanya rakan mereka berbanding dengan guru. Ini turut disokong oleh Ishtiaq, Zuraina dan Salem (2017) di mana pelajar berasa selesa jika mereka berbincang dengan ahli kumpulan mereka dahulu sebelum berbincang dengan guru mereka. Cara sebegini dapat meningkatkan tahap pemahaman dan penguasaan pelajar mengenai sesuatu topik yang dipelajari.

Proses pembelajaran aktif termasuklah menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif. Menurut Kim (2018), pembelajaran koperatif adalah proses dalam pembelajaran aktif kerana pelajar belajar lebih banyak mencipta dan berkongsi pengetahuan di dalam kumpulan. Sehubungan dengan itu, bentuk pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

koperatif yang tipikal digunakan adalah kaedah STAD kerana ia adalah suatu kaedah yang menyelesaikan masalah dalam kumpulan dan cara untuk mendorong pelajar untuk belajar secara aktif (Sukma, 2013). Menurut Wan Hasmah & Nur Munirah (2015), antara ciri pembelajaran aktif adalah pelajar belajar di dalam kumpulan (Wan Hasmah & Nur Munirah, 2015). Berdasarkan proses dan ciri-ciri pembelajaran yang dijelaskan di atas, pengkaji memilih model STAD sebagai strategi dalam mengimplementasikan pembelajaran aktif dalam bilik darjah. Penggunaan kaedah STAD di dalam PdPc dapat memperkembang kemahiran komunikasi dan hubungan interpersonal dalam diri pelajar di samping mempertingkatkan komitmen mereka terhadap pembelajaran khususnya dalam Prinsip Perakaunan.

Di samping itu, model STAD dipilih kerana pelajar lebih mudah mencari dan memahami konsep yang sukar sekiranya mereka membuat perbincangan bersama rakan (Mas Andri & Mara Bangun, 2014). Sebagai contoh, apabila pelajar ingin menyelesaikan sesuatu isu, mereka boleh bertanya rakan tanpa berasa malu, daripada jika terus bertanyakan kepada guru secara langsung. Hal ini akan meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar seterusnya mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai bahan yang dikaji iaitu dengan melakukan pencarian, hasil dapatan dan membangunkan konsep belajar secara kumpulan. Dalam konteks kajian Prinsip Perakaunan, penting untuk pelajar menerapkan pembelajaran secara kumpulan kerana ia akan membantu pelajar dalam melaksanakan tugasan kursus mereka. Oleh itu, guru perlu mula mengaplikasikan pembelajaran model STAD ke dalam PdPc supaya pelajar dapat menerapkan model ini dengan lebih mudah apabila melaksanakan kerja kursus mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian daripada Aryani (2016) menyatakan di samping telah melalui banyak penyelidikan melalui pengajaran pelbagai subjek dan gred, kaedah pembelajaran model STAD juga diklasifikasikan sebagai kaedah pembelajaran koperatif yang paling mudah dipraktikkan. Selain itu, dengan menggunakan STAD sebagai kaedah pengajaran, maka pelajar akan lebih bertanggungjawab ke atas pencapaian kumpulan mereka selain daripada pencapaian diri. Melalui sikap tanggungjawab yang diterapkan secara tidak langsung dapat mewujudkan penerimaan positif berkaitan pendapat dan hasil kerja pelajar yang berlainan tahap intelek mereka selain daripada mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif (Rozita, Latifah & Fadzilah, 2017).

Dini (2018) dalam kajiannya juga ada menyatakan bahawa kaedah pembelajaran model STAD merupakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif yang paling mudah untuk dilaksanakan berbanding dengan kaedah koperatif yang lain. Ia kaedah yang bersesuaian digunakan bagi guru yang baru sahaja ingin memulakan kaedah koperatif dalam pengajaran. STAD turut menekankan bahawa tiada sesiapa yang dapat mengatasi atau menyaingi sesiapa dan tidak ada yang berjaya dengan cara yang sama, kerana peningkatan seseorang itu adalah penting dan sesiapa sahaja mampu untuk maju ke hadapan (Slavin, 1995).

Kajian Hafiza (2012), turut mengemukakan beberapa aktiviti atau strategi pembelajaran dalam struktur pembelajaran aktif yang boleh digunakan sepanjang pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas iaitu pembelajaran secara kumpulan kecil, bekerja secara koperatif, simulasi, perbincangan, penyelesaian masalah dan penulisan. Oleh yang demikian, pemilihan model STAD adalah sesuai digunakan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran Prinsip Perakaunan kerana ia dapat merangkumi aktiviti dalam strategi pembelajaran aktif.

Melalui hasil dapatan kajian terdahulu menyatakan kaedah pembelajaran model STAD adalah antara kaedah yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik sekaligus menghasilkan sikap dan persepsi pelajar yang positif terhadap pembelajaran (Slavin, 1990). Strategi pembelajaran aktif seperti kaedah koperatif yang lain tidak dipilih dalam kajian ini kerana menurut pengkaji ia kurang sesuai untuk diimplimentasikan ke dalam kajian ini. Ini kerana pengkaji baru sahaja ingin mengaplikasikan kaedah pembelajaran secara berkumpulan menerusi model STAD kepada sampel kajian. Seperti yang dinyatakan dalam Slavin (1995), model STAD adalah sesuai digunakan bagi guru yang baru sahaja ingin memulakan kaedah koperatif dalam pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, satu kajian tentang model STAD akan dilaksanakan oleh pengkaji sebagai strategi pembelajaran aktif dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.

2.2.1 Perkembangan Model STAD

Model Slavin (1978) telah memperkenalkan model '*Student Team Achievement Divisions'* atau STAD untuk pertama kalinya dan sejak itu model STAD ini telah digunakan untuk pelbagai bidang seperti matematik, linguistik, seni, sosiologi dan sains (Karaçőp, 2016). Model ini didefinisikan sebagai kaedah pembelajaran yang berkesan dalam suasana bilik darjah di mana pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu pasukan serta menerima ganjaran dan pengiktirafan berdasarkan skor pasukan mereka (Slavin, 1980). Robert Slavin dan rakan-rakannya mula mengembangkan model ini pada sekitar tahun 1994 (Monchai & Sanit, 2013). Kajian mengenai STAD yang diteliti oleh Johns Hopkins University turut dikenali sebagai "*Student Team Learning*" (Sharan, 1995).

Model STAD adalah salah satu daripada kaedah pembelajaran koperatif yang paling mudah, serta ia dinilai sebagai model yang baik apabila guru bercadang untuk menggunakan pembelajaran koperatif buat kali pertama (Maelasari & Wahyudin, 2017). Menurut Slavin (1995), STAD adalah suatu bentuk pembelajaran berasaskan kumpulan di mana setiap kumpulan mempunyai empat atau lima orang pelajar yang heterogen iaitu pelbagai latar belakang dari segi prestasi akademik, jantina, bangsa atau etnik. Pelajar di dalam kumpulan yang heterogen dalam pembelajaran secara kumpulan adalah penting dalam membentuk kepelbagaian intelektual di mana pelajar akan didedahkan untuk menyelesaikan sesuatu isu dengan pelbagai alternatif, menyampaikan idea dengan lebih berkesan, memberi justifikasi terhadap hujah mereka, dan mengkaji isu-isu dari perspektif yang berbeza (Cohen & Lotan, 1997). Ini adalah proses yang dapat menyumbang kepada pemikiran aras tinggi dalam kalangan pelajar. Malah menerusi pembelajaran kumpulan mengggunakan model STAD pelajar perlu bekerjasama untuk meningkatkan skor kuiz kerana setiap ahli kumpulan perlu bertanggungjawab dalam peningkatan prestasi keseluruhan ahli bagi mencapai kumpulan terbaik iaitu dengan pencapaian akademik tertinggi (Kim, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan utama pembelajaran menggunakan kaedah STAD diperkenalkan adalah untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi pelajar. Ini telah ditegaskan oleh Slavin (1994) iaitu aspek penting yang ditumpukan dalam model STAD adalah untuk memotivasi dan merangsang pelajar untuk sentiasa menerapkan sikap bantu-membantu. Kaedah STAD juga dikaji secara meluas dan dinilai mengenai pencapaian akademik, sikap, interaksi sosial dan hubungan interpersonal (Bernaus & Gardner, 2008).

Terdapat beberapa langkah dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan model STAD iaitu:

i. Langkah 1: Guru menyampaikan isi pengajaran.
ii. Langkah 2: Pelajar bekerja sama dalam satu pasukan dan memastikan semua pasukan ahli dapat menguasai isi pelajaran.
iii. Langkah 3: Setiap ahli perlu mengambil kuiz secara individu dan ketika ini mereka tidak dibenarkan untuk membantu satu sama lain. Ini adalah untuk memastikan setiap ahli kumpulan bertanggungjawab untuk mengetahui isi pembelajaran.
iv. Langkah 4: Setiap markah kuiz dibandingkan dengan purata prestasi lepas mereka dan markah akan diberi berdasarkan sejauh mana seseorang ahli memenuhi atau melebihi prestasi mereka sebelum ini. Apabila seseorang ahli kumpulan itu menunjukkan kemajuan pada kuiz mereka maka prestasi keseluruhan kumpulan akan meningkat.
v. Langkah 5: Markah setiap ahli kumpulan dijumlahkan untuk membentuk jaringan pasukan seperti dalam Rajah 2.2. Pasukan yang dapat mencapai kriteria tertentu boleh mendapatkan perakuan atau ganjaran daripada guru.

(Monchai & Sanit, 2013)



Rajah 2.2. Kaedah Pelaksanaan STAD (Monchai & Sanit, 2013) yang diolah daripada kajian Slavin (2005)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 2.2, guru hendaklah menjelaskan kepada pelajar tentang objektif pembelajaran sebelum memulakan pengajaran. Bahan yang digunakan dalam kaedah STAD perlu diperkenalkan oleh guru semasa guru menyampaikan isi pengajaran. Prosedur aktiviti pembelajaran perlu difahami oleh pelajar agar pelaksanaannya berjalan dengan lancar dan berupaya untuk mencapai matlamat atau objektif pengajaran. Pengajaran yang digunakan kebiasaannya berbentuk pengajaran secara langsung atau perbincangan seperti kuliah yang dikendalikan oleh guru. Elemen pengajaran berbentuk 'audiovisual' juga boleh dimasukkan dalam sesi pengajaran. Instrumen yang digunakan seperti ujian yang diedarkan oleh guru hendaklah bersesuaian dengan aktiviti dan masa yang diperuntukkan. Skor kuiz individu akan menentukan skor pasukan mereka. Peranan guru pula perlu memastikan semua ahli kumpulan bekerjasama untuk menyelesaikan tugasan yang diberi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas guru memberikan bahan pembelajaran, guru membentuk kumpulan di mana ahlinya heterogen dari segi prestasi akademik, jantina, bangsa atau etnik (Slavin, 1995). Pemilihan ahli kumpulan ini adalah secara rawak. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan perspektif yang berbeza semasa perbincangan. Setiap kumpulan terdiri daripada empat hingga lima orang ahli. Sekiranya kumpulan mempunyai jumlah ahli yang besar, ini akan mewujudkan kesukaran dari segi kerjasama dan kemungkinan besar akan wujud ahli yang pasif. Pelajar perlu bekerjasama dalam kumpulan yang mempunyai pelbagai kemahiran supaya dapat memahami isi kandungan pelajaran yang telah diterangkan oleh guru. Pembelajaran yang dijalankan melibatkan perbincangan pelajar tentang masalah bersama dan membandingkan jawapan dan pembetulan sekiranya terdapat kesilapan yang dibuat oleh rakan sekumpulan. Kerjasama dalam kumpulan adalah ciri yang sangat penting dalam kaedah STAD. Penekanan diberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada ahli kumpulan iaitu dengan melakukan yang terbaik untuk kumpulan dan bagi kumpulan pula melakukan yang terbaik untuk membantu ahlinya. Fungsi utama kumpulan adalah memastikan semua ahli kumpulan dapat memahami di samping menyediakan ahli-ahli untuk membuat yang terbaik dalam ujian yang diberikan.

Seterusnya selepas perbincangan dalam pasukan, para pelajar diberi penilaian secara individu di mana pelajar perlu mengambil ujian tanpa bantuan ahli-ahli kumpulan yang lain. Oleh itu, setiap pelajar bertanggungjawab secara individu untuk mengetahui isi pelajaran yang telah disampaikan oleh guru dengan berbekalkan hasil perbincangan bersama ahli kumpulan yang lain sebelum ini. Ujian yang dijalankan diuji selepas sesi perbincangan bersama kumpulan. Jawapan akan disemak secara bersama dengan cara bertukar-tukar kertas jawapan dengan kumpulan yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi penjumlahan markah, markah setiap ahli kumpulan akan dikumpulkan oleh guru dan kemudiannya dicampurkan untuk mendapatkan markah purata kumpulan. Skor markah setiap pelajar dalam ujian serta skor purata dalam ujian yang lepas digunakan untuk mengira mata yang diperolehi pelajar untuk kumpulannya. Kumpulan akan memperoleh ganjaran berdasarkan peningkatan tahap prestasi ahli kumpulan berbanding dengan rekod masa lalu mereka. Dengan kata lain, pelajar mendapat mata untuk kumpulan mereka berdasarkan tahap skor ujian mereka (peratusan yang betul) melebihi skor asas mereka. Skor asas diperolehi daripada prestasi purata masa lalu pelajar. Idea di sebalik skor peningkatan individu adalah untuk mendedahkan setiap pelajar mengenai matlamat prestasi yang dapat dicapai sekiranya mereka bekerja lebih keras dan melakukan yang lebih baik daripada sebelum ini. Hal ini supaya dapat memastikan semua ahli kumpulan telah belajar, dapat menjelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konsep dan membantu antara satu sama lain. Jadual 2.1 menunjukkan pengiraan purata markah pelajar untuk kumpulannya berdasarkan perbandingan skor bagi kedua-dua ujian.

Jadual 2.1
Pemberian Markah

Sekiranya skor ujian pasca adalah..	Pelajar akan mendapat skor..
1. mata penuh	20
2. > 10 mata daripada skor asas	20
3. 1 – 9 mata daripada skor asas	15
4. sama mata dengan markah ujian pra atau < 4 mata daripada markah ujian pra	10
5. < 5 mata daripada markah ujian pra	5

Diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan model Slavin (1995)

Nota, Skor asas diperolehi daripada prestasi purata masa lalu.

Pengiktirafan pasukan diberi melalui pemberian ganjaran. Ganjaran diberi berdasarkan kepada purata markah kumpulan yang menunjukkan peningkatan paling tinggi. Ganjaran ini tidak semestinya berbentuk material sahaja tetapi boleh diberi dalam bentuk pujian atau penghargaan. Tujuan ganjaran diberikan adalah untuk menarik minat pelajar yang lain di samping memberi motivasi kepada pelajar-pelajar untuk lebih berdaya saing dalam aktiviti kumpulan akan datang. Ganjaran ini diberi berdasarkan peningkatan tahap prestasi setiap ahli dan bukannya secara keseluruhan kumpulan. Hal ini kerana jika ganjaran kumpulan itu diberi berdasarkan prestasi kumpulan secara keseluruhan, akan terdapat sedikit insentif sahaja bagi ahli kumpulan untuk menjelaskan konsep antara satu sama lain dan kemungkinan satu atau dua ahli kumpulan sahaja yang boleh melakukan semua kerja. Ini menyebabkan tidak semua ahli menyumbangkan mata untuk kumpulan mereka bahkan setiap ahli itu sendiri tidak menguasai isi pelajaran dan hanya mengharapkan ahli kumpulan lain semata-mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Slavin, 1995). Bagi mengira purata markah untuk tujuan pengiktirafan kumpulan, purata markah yang diterima oleh semua ahli kumpulan akan dijumlahkan dan dibahagi dengan bilangan ahli kumpulan. Jadual 2.2 menunjukkan purata markah bagi tujuan pengiktirafan kumpulan.

Jadual 2.2

Pengiktirafan Kumpulan

Purata Markah	Pengiktirafan Kumpulan
15 - 20	Kumpulan Cemerlang
10 - 14	Kumpulan Hebat
5 - 9	Kumpulan Baik

Diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan model Slavin (1995)

2.2.2 Kepentingan Penggunaan Model STAD dalam Prinsip Perakaunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model STAD adalah antara kaedah pembelajaran aktif yang boleh diamalkan dalam PdPc di mana ia memupuk sikap kerjasama pelajar dalam kumpulan bagi mencapai matlamat mereka bersama. Kaedah STAD telah dibuktikan dalam banyak kajian sebagai kaedah yang paling mudah dan efektif dalam pembelajaran koperatif dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelbagai subjek (Monchai & Sanit, 2013). Kaedah pembelajaran ini dilaksanakan dalam kumpulan kecil yang mempunyai empat atau lima orang pelajar yang heterogen iaitu pelbagai latar belakang dari segi prestasi akademik, jantina, bangsa atau etnik, dan mereka saling bertukar pendapat serta berkongsi keupayaan masing-masing dalam melakukan tugasan yang diberi (Slavin, 1995). Hal ini selaras dengan objektif dalam DSKP Prinsip Perakaunan iaitu ingin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mewujudkan suasana pembelajaran abad ke-21 di mana elemen kerja berpasukan amat ditekankan semasa proses PdPc.

Menerusi kaedah STAD pelajar perlu menerapkan sifat kerjasama dalam kumpulan bagi memperoleh maklumat dan menguasai konsep yang diajar oleh guru mengikut lembaran kerja yang diberikan (Ronald, 1991). Selaras dengan keperluan subjek Prinsip Perakaunan di mana kaedah STAD sesuai diaplikasikan kerana subjek tersebut memerlukan lembaran kerja sebelum merekod setiap urus niaga.

Menurut Ahmad (2013), pembelajaran secara kumpulan dilaksanakan dengan saling membantu sesama rakan dalam kumpulan bagi memastikan pencapaian akademik dapat ditingkatkan, memberi pengiktirafan kepada ahli kumpulan serta bersikap positif terhadap pembelajaran yang disampaikan. Sikap yang lebih positif dapat diterapkan ke dalam diri setiap pelajar kerana mereka bertanggungjawab untuk membimbing ahli kumpulan yang lemah. Ahli-ahli dalam kumpulan akan saling membantu serta memberi galakan untuk membuat perbincangan dan bersependapat dalam mencapai objektif atau matlamat kumpulan (Noraziah, 2016). Ia seiring dengan hasil kajian terdahulu di mana kaedah pembelajaran berasaskan kumpulan memfokuskan kepada objektif dan kejayaan sesuatu pasukan, justeru ia hanya boleh dicapai apabila semua ahli dalam kumpulan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya (Ahmad & Umi Kalthom, 2014)

Melalui pendekatan ini pelajar juga berkesempatan untuk melontarkan idea, membuat perbincangan, berinteraksi sesama ahli serta belajar melalui persekitaran dan pengalaman sendiri (Ahmad, 2013). Justeru itu, satu perubahan dalam kaedah PdPc

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu memperkenalkan kaedah pembelajaran model STAD sebagai strategi pembelajaran akif bagi subjek Prinsip Perakaunan diperlukan dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar. Hal ini kerana model STAD dilihat dapat menyemai sikap dan semangat pelajar dalam kerja berpasukan selain daripada mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Ini turut diperjelaskan dalam DSKP Prinsip Perakaunan melalui ciri kerja sepasukan iaitu pelajar dapat menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Selain itu, mereka turut memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

Penggunaan model STAD dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan turut dapat dilihat dalam konteks bagi memenuhi aspirasi negara melalui Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) iaitu tahun 2016 hingga 2020. Enam strategik yang telah dibentangkan pada ketika itu antaranya ialah merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran (Utusan, Mei 2015). Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa bidang keusahawanan menjadi elemen penting dalam mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya saing dalam ekonomi. Justeru secara tidak langsung ia dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara dari segi peluang pekerjaan mahupun produktiviti negara. Bagi memenuhi aspirasi negara dalam RMK-11, kurikulum yang direka bentuk dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan dapat menyediakan dan melahirkan pelajar ke arah ciri-ciri keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) turut merealisasikan hasrat menerusi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) iaitu ingin melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21. Antara fokus dalam kemahiran abad ke-21 yang ditekankan adalah kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran abad ke-21 mengetengahkan ciri-ciri seperti berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir dan kerja sepasukan. Hal ini selaras dengan tujuan kaedah STAD diperkenalkan iaitu ia dikaji dan dinilai secara meluas mengenai pencapaian akademik, sikap, interaksi sosial dan hubungan interpersonal (Bernaus & Gardner, 2008).

Melalui ciri kerja sepasukan dalam pembelajaran abad ke-21 menerusi DSKP Prinsip Perakaunan (2016), pelajar dapat menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Ini dapat dilihat melalui pelaksanaan model STAD iaitu semasa perbincangan dalam kumpulan, mereka saling membantu seterusnya memastikan setiap ahli kumpulan mampu memahami isi pengajaran yang disampaikan oleh guru (Monchai & Sanit, 2013). Mereka juga akan memastikan terdapat peningkatan tahap prestasi ahli kumpulan berbanding dengan rekod masa lalu mereka. Hal ini supaya dapat memastikan semua ahli kumpulan telah belajar dan dapat menjelaskan konsep mengenai pengajaran yang disampaikan oleh guru. Jelas bahawa kaedah STAD adalah antara usaha yang menjadi penyumbang utama dalam melahirkan pelajar yang menepati ciri-ciri kemahiran abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada huraian di atas jelas menunjukkan bahawa kepentingan penggunaan model STAD dalam subjek Prinsip Perakaunan yang dibincangkan di atas dapat memenuhi keperluan yang disasarkan dalam DSKP Prinsip Perakaunan di samping memenuhi aspirasi negara dalam RMK-11.

2.3 Perbandingan Kaedah Pembelajaran Tradisional dan STAD Terhadap Pencapaian Pelajar

Dalam kajian Saifulnizam dan Faridah (2017), hasil tinjauan awal yang dilaksanakan terhadap pelajar yang mengambil kursus *Cost Management Accounting 2*, menunjukkan keputusan sebelum yang diperolehi oleh pelajar berada pada tahap yang agak membimbangkan. Keputusan terdahulu pelajar adalah berdasarkan pengajaran yang berpusatkan pensyarah atau tradisional. Pengajaran berpusatkan pensyarah atau kaedah tradisional dilihat tidak mampu meningkatkan pencapaian bagi kursus *Cost Management Accounting 2*. Setelah diperkenalkan dengan kaedah pembelajaran STAD, keputusan ujian pasca ke atas 30 orang pelajar menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan iaitu skor min sebanyak 80.03 dalam ujian pasca berbanding dengan skor min sebanyak 50.67 dalam ujian pra. Jumlah peningkatan sebanyak 29.36 menunjukkan tahap peningkatan ujian pelajar berada pada tahap cemerlang. Oleh itu, penggunaan model STAD dalam pembelajaran bagi kursus *Cost Management Accounting 2* dapat meningkatkan tahap pencapaian ujian pelajar ke tahap yang lebih cemerlang berbanding dengan kaedah tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran model STAD juga dikaji keberkesanannya dalam meningkatkan pencapaian pelajar aliran Pendidikan Seni Visual tingkatan 4. Azman, Aziz dan Zahuri (2017) melaporkan hasil ujian pra dalam kajian mereka menunjukkan tiada sebarang peningkatan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Ini disebabkan oleh masing-masing berada pada tahap kognitif atau tahap pengetahuan yang serupa. Namun apabila ujian pasca dijalankan, hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan menunjukkan terdapat peningkatan yang tinggi dalam skor min ujian bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Dapatan ini menunjukkan strategi pembelajaran model STAD mampu meningkatkan pencapaian pelajar dengan lebih tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Noraziah (2016) pula melaksanakan kajian bagi melihat keberkesanan pembelajaran model STAD terhadap subjek Fizik. Setelah ujian pasca dijalankan, kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan menunjukkan skor min telah meningkat. Skor min kumpulan kawalan yang menjalani kaedah pembelajaran secara tradisional meningkat daripada tahap rendah ke tahap sederhana iaitu 56.77. Manakala kumpulan rawatan yang menjalani kaedah pembelajaran menggunakan model STAD meningkat daripada tahap rendah ke tahap baik iaitu 60.62. Ini menunjukkan kaedah tradisional tidak mampu meningkatkan pencapaian yang lebih signifikan berbanding dengan penggunaan model STAD dalam pembelajaran Fizik. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran model STAD dalam mata pelajaran Fizik dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dengan lebih baik berbanding dengan kaedah tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan model STAD turut diuji dalam pembelajaran matematik di UTHM di mana responden kajian adalah terdiri daripada pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik. Menurut Nurulhuda (2014), dapatan kajian beliau menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam ujian pra. Ini kerana tahap kognitif bagi kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah sama dan mereka tidak mendapatkan sebarang rawatan atau intervensi. Hasil daripada analisis ujian-t tidak bersandar pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Ini kerana kedua-dua kumpulan pelajar didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang berlainan. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan model STAD dapat meningkatkan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan lebih signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan yang menjalani pembelajaran secara tradisional dalam matematik. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian akademik pelajar dalam ujian pasca.

Selain itu, terdapat kajian lain yang turut dikaji dalam mata pelajaran matematik. Kajian daripada Jaya (2016) mengkaji tentang keberkesanan pembelajaran model STAD dalam pembelajaran matematik terhadap murid tingkatan 2 yang berpencapaian sederhana dari sebuah sekolah menengah kebangsaan luar bandar di Perak. Berdasarkan kajian beliau, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian matematik bagi kumpulan rawatan yang menjalani pembelajaran model STAD berbanding dengan kumpulan kawalan yang menjalani pembelajaran secara tradisional. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar kumpulan rawatan dapat meningkatkan prestasi pencapaian mereka dalam matematik dengan lebih signifikan berbanding dengan pelajar dari kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian di luar negara iaitu daripada kajian Aliyu & Ibrahim (2019) telah menggunakan model STAD untuk mengukur keberkesanannya terhadap prestasi pelajar dalam bentuk tiga dimensi. Kajian dibuat dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan tahap kemampuan yang berbeza di sebuah sekolah di Kaduna, Nigeria. Hasil ujian pasca menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar yang menjalani kaedah pembelajaran model STAD dengan pelajar yang menjalani kaedah pembelajaran tradisional. Selepas rawatan iaitu pembelajaran model STAD dijalankan, hasil analisis mendapati terdapat peningkatan dalam ujian pasca dalam prestasi pelajar kumpulan rawatan yang bertahap keupayaan rendah, sederhana dan tinggi. Hasil dapatan ini selari dengan kajian Eucharia (2019) yang menjalankan kajian terhadap pelajar di Nigeria dalam *Reading Comprehension* di mana pelajar kumpulan rawatan yang menjalani pembelajaran model STAD menunjukkan peningkatan pencapaian yang tinggi berbanding daripada pelajar kumpulan kawalan.

Kajian Dini (2018) menggunakan model STAD bagi meningkatkan kemampuan pelajar dalam memahami teks Bahasa Inggeris pelajar kelas tujuh di Madrasah Aliyah Hubbulwathan Duri. Hasil dapatan ujian pra mendapati kumpulan kawalan memperoleh skor min sebanyak 68.8 manakala skor min kumpulan rawatan adalah 69.60. Setelah menjalani ujian pasca, skor min kumpulan kawalan meningkat kepada 72.0 manakala kumpulan rawatan meningkat kepada 77.07. Apabila membuat perbandingan, skor min kumpulan rawatan adalah lebih tinggi iaitu 77.07 berbanding dengan kumpulan kawalan 72.0. Oleh itu dapat dilihat bahawa model STAD dapat meningkatkan pembelajaran Bahasa Inggeris dengan lebih signifikan berbanding dengan pembelajaran secara tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kuasi-eksperimen terhadap penggunaan model STAD turut dijalankan oleh Ishtiaq et al. (2017), di Unaizah Community College, Saudi Arabia terhadap pelajar EFL (*English as a Foreign Language*) di mana mereka mengambil ujian '*200-word vocabulary'*. Daripada hasil dapatan, terdapat perbezaan yang sangat kecil dalam kedua-dua ujian bagi kumpulan kawalan yang menjalani kaedah tradisional iaitu skor min ujian pra (12.06) dan skor min ujian pasca (14.90). Perbezaan kedua-dua skor min ujian ini adalah tidak signifikan di mana nilai p= 0.195 > 0.05. Ini menunjukkan pembelajaran secara tradisional tidak membawa impak yang besar terhadap skor min pencapaian pelajar bagi kumpulan kawalan. Selain itu, hasil dapatan daripada analisis ujian t-tidak bersandar mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan memperoleh skor min sebanyak 23.58 iaitu lebih tinggi daripada kumpulan kawalan, 14.90. Manakala skor min bagi kumpulan rawatan dalam ujian pasca (23.58) adalah lebih tinggi berbanding dengan skor min dalam ujian pra (16.78). Perbezaan antara kedua-dua ujian dalam kumpulan rawatan ini adalah signifikan di mana nilai p= 0.004 < 0.05. Daripada dapatan di atas, jelas menunjukkan bahawa aplikasi model STAD dalam pembelajaran berupaya meningkatkan pencapaian pelajar dewasa di Arab Saudi dengan lebih signifikan berbanding dengan pembelajaran secara tradisional dalam ujian '*200-word vocabulary'*.

Kajian daripada Diriba dan Lamessa (2017) yang mengkaji kesan STAD terhadap pencapaian akademik pelajar dalam matematik di Mettu Secondary and Preparatory School. Hasil kajian mendapati pelajar kumpulan rawatan yang menjalani kaedah STAD dalam pembelajaran mereka menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Bagi ujian pra pula didapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

skor min perbezaan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah tidak signifikan. Selepas menjalani rawatan, dapatan kajian menunjukkan skor min ujian pasca kumpulan rawatan yang menjalani kaedah pembelajaran STAD adalah jauh lebih tinggi (78.56) daripada kumpulan kawalan yang menjalani kaedah pembelajaran tradisional (30.93). Hareesol, Sofian dan Khairi (2018) juga menyokong dapatan ini di mana pembelajaran model STAD mampu meningkatkan pencapaian pelajar dalam matematik bagi sekolah rendah di Thailand. Oleh itu dapat dilihat bahawa peningkatan pencapaian pelajar dalam matematik adalah lebih signifikan melalui pelaksanaan pembelajaran model STAD berbanding dengan pembelajaran secara tradisional.

Kajian mengenai keberkesanan model STAD turut dijalankan terhadap pelajar kolej. Bandyopadhyay dan Vichian (2016) mengkaji penggunaan model STAD dalam pembelajaran statistik terhadap pelajar daripada St. Theresa International College di Nakhorn Nayok Province, Thailand. Daripada dapatan kajian, kesemua lapan latihan dan ujian pencapaian dalam statistik yang dilakukan oleh pelajar dengan menggunakan kaedah STAD telah memperoleh skor min yang lebih tinggi daripada pelajar yang mengamalkan pembelajaran menggunakan kaedah tradisional di mana nilai signifikan adalah 0.01. Ini membuktikan bahawa pelaksanaan model STAD bukan sahaja mampu meningkatkan pencapaian pelajar sekolah bahkan ia mampu meningkatkan pencapaian pelajar kolej.

Dalam satu kajian daripada Ali dan Tahereh (2015), mengkaji kesan penggunaan STAD terhadap pelajar EFL (*English as a Foreign Language*) dalam *Listening Comprehension.* Seramai 60 orang pelajar Iran dalam lingkungan umur 18-25 tahun yang mengambil Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di institut bahasa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bushehr City, Iran telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasil kajian menggunakan ujian-t tidak bersandar menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca iaitu $p= 0.000$, $p < 0.05$. Skor min kumpulan rawatan (15.33) lebih tinggi daripada skor min kumpulan kawalan (10.30). Ujian-t berpasangan juga dianalisis bagi mengenal pasti perbezaan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan di mana nilai $p= 0.000$, $p< 0.05$. Dapat disimpulkan bahawa prestasi dalam ujian pasca yang ditunjukkan oleh pelajar dari kumpulan kawalan adalah lemah berbanding dengan kumpulan rawatan. Ini bermaksud prestasi pelajar yang menjalani pembelajaran secara tradisional adalah lemah berbanding dengan pembelajaran model STAD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian daripada Emmanuel dan Musa (2014) menunjukkan kesan penggunaan STAD dan Jigsaw terhadap pencapaian pelajar dalam subjek biologi. Perbezaan signifikan dalam skor min pencapaian pelajar dalam ketiga-tiga kaedah pembelajaran iaitu tradisional, STAD dan Jigsaw menunjukkan maksud bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam kumpulan rawatan (pembelajaran kaedah STAD dan Jigsaw) dan kumpulan kawalan (pembelajaran secara tradisional). Hasil kajian mendapati skor min ujian pasca dalam pembelajaran STAD (31.36) dan Jigsaw (25.67) adalah lebih tinggi daripada skor min pembelajaran secara tradisional (17.79). Ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar daripada kumpulan rawatan yang menjalani kaedah STAD dan Jigsaw lebih memberangsangkan daripada pelajar kumpulan kawalan yang menjalani pembelajaran secara tradisional. Walaupun demikian, apabila membuat perbandingan antara kaedah STAD dan Jigsaw, skor min STAD (31.86) adalah lebih tinggi daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

skor min Jigsaw (25.67). Ini bermakna kaedah STAD didapati lebih memudahkan dalam pembelajaran biologi berbanding dengan kaedah Jigsaw. Ia turut memberi maksud bahawa walaupun terdapat banyak kaedah pembelajaran koperatif, di antara dua kaedah yang dikaji, STAD telah dikenal pasti lebih membantu pelajar dalam pembelajaran biologi berbanding Jigsaw mahupun pembelajaran secara tradisional sendiri.

Namun demikian, terdapat juga dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca seperti dalam kajian Justina & Roderick (2019). Walau bagaimanapun, pelajar yang menjalani pembelajaran model STAD didapati masih mencatat skor min yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang menjalani pembelajaran secara tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui dapatan-dapatan kajian lepas yang dibincangkan di atas, secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa penggunaan model STAD dalam pembelajaran mampu meningkatkan pencapaian pelajar dengan lebih signifikan berbanding dengan pembelajaran secara tradisional. Walaupun kajian lepas melaporkan penggunaan model STAD dijalankan secara meluas, namun kajian berbentuk kuasi-eksperimen terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan tidak banyak dikaji secara meluas lagi di Malaysia. Maka suatu kajian baharu mengenai pembelajaran model STAD dijalankan dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi melihat keberkesanan penggunaannya dari aspek pencapaian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Dengan Menggunakan Model STAD

Selain daripada menentukan tahap pencapaian pelajar, kajian ini turut mengkaji persepsi pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD dari segi kefahaman, motivasi, sikap dan minat pelajar.

2.4.1 Kefahaman Terhadap Pembelajaran Dengan Menggunakan Model STAD

Dalam kajian Saifulnizam dan Faridah (2017), selain daripada perbandingan pencapaian ujian pra dan ujian pasca, mereka juga telah mengkaji keberkesanan kaedah pengajaran STAD dari segi kefahaman pelajar. Dapatan kajian ini dikukuhkan melalui hasil dapatan temu bual pelajar yang melaporkan bahawa 76% pelajar sangat setuju bahawa pembelajaran kaedah STAD dapat membantu mereka memahami isi pelajaran bagi topik varians dalam *Cost Management Accounting 2*. Tiga orang daripada sepuluh pelajar yang ditemu bual menyatakan mereka lebih faham tentang apa yang dipelajari selepas kaedah STAD diperkenalkan. Melalui dapatan ini, dapat dilihat bahawa kaedah STAD berupaya menambah kefahaman pelajar terhadap pembelajaran topik varians *dalam Cost Management Accounting 2.*

Kajian mengenai pembelajaran model STAD turut dikaji keberkesanannya terhadap kefahaman pelajar dalam Matematik. Wong (2017) menyatakan dalam kajian beliau bahawa pembelajaran model STAD menunjukkan strategi pedagogi yang aktif dalam meningkatkan kefahaman pelajar. Ia dibuktikan dengan hasil dapatan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam ujian pasca di mana skor min ujian bagi kumpulan rawatan yang menjalani pembelajaran model STAD adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan yang menjalani pembelajaran tradisional.

Kajian daripada Zainun et al. (2013), secara keseluruhannya menunjukkan sebanyak 90.5% pelajar mempunyai persepsi positif terhadap pembelajaran model STAD seperti "matematik lebih mudah difahami", "pembelajaran matematik lebih menyeronokkan", "boleh berbincang dan berkongsi pendapat dengan rakan". Ini menunjukkan pembelajaran menggunakan model STAD berupaya menambah kefahaman pelajar dalam mata pelajaran matematik.

2.4.2 Motivasi Terhadap Pembelajaran Dengan Menggunakan Model STAD

Selain mengkaji dari sudut kefahaman pelajar, Saifulnizam dan Faridah (2017) turut menguji keberkesanan pembelajaran model STAD terhadap motivasi pelajar. Dua daripada sepuluh orang pelajar yang ditemu bual menjelaskan bahawa mereka tertarik untuk memberi lebih tumpuan terhadap pengajaran guru disebabkan oleh peneguhan yang diterima daripada guru mahupun dalam kalangan ahli kumpulan mereka.

Kajian daripada Jamaludin & Mokhtar (2018) turut mendapati pelajar lebih fokus dan bermotivasi kerana peranan mereka dalam kumpulan telah diiktiraf oleh rakan sebaya. Ini menjelaskan bahawa kaedah STAD dapat melahirkan pelajar yang lebih bermotivasi terhadap pembelajaran kerana didorong oleh rakan-rakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada menganalisis pencapaian pelajar, kajian daripada Diriba dan Lamessa (2017) juga meneliti persepsi dan penilaian pelajar terhadap pembelajaran apabila menggunakan model STAD. Hasil dapatan soal selidik kajian tersebut mendapati bahawa kaedah pembelajaran model STAD mampu menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih baik dengan perbincangan semasa mempelajari topik dalam matematik serta membantu pelajar untuk belajar dengan mudah, berkesan dan bermakna. Mereka turut menyatakan kaedah STAD dapat meningkatkan kebolehan sosial pelajar. Melalui pemerhatian di dalam bilik darjah, ia mendedahkan tahap motivasi yang tinggi oleh kebanyakan pelajar dalam menyelesaikan tugasan dan prestasi yang baik ditunjukkan pada kuiz yang diberi. Ini dibuktikan melalui sikap mereka yang dapat dilihat melalui akauntabiliti individu, interaksi secara berhadapan atau '*face-to-face interaction'* dan juga kemahiran sosial pelajar dalam sesuatu kumpulan. Dapatan kajian ini menunjukkan kaedah STAD berupaya menambah motivasi pelajar gred sembilan bagi menyelesaikan tugasan dalamn pembelajaran matematik.

Kaedah STAD turut dikaji dari aspek motivasi pelajar tingkatan 2 yang berpencapaian sederhana dalam mata pelajaran Matematik. Kajian daripada Jaya (2016) mendapati bahawa penggunaan kaedah pembelajaran model STAD tidak menunjukkan peningkatan yang signifikan terhadap motivasi pelajar berpencapaian sederhana. Ini bermakna pembelajaran menggunakan kaedah STAD tidak memberi kesan yang besar terhadap motivasi pembelajaran pelajar. Sebaliknya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan model STAD hanya mampu meningkatkan pencapaian pelajar dalam matematik sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kriswintari, Yuanita dan Widodo (2018) melaksanakan kajian menggunakan model STAD terhadap pelajar gred sepuluh dalam mata pelajaran Kimia. Soal selidik telah diedarkan untuk mendapatkan maklum balas pelajar terhadap pembelajaran Kimia setelah menggunakan kaedah STAD. Mereka bersetuju sekiranya kaedah STAD ingin dilaksanakan pada pembelajaran Kimia mereka yang seterusnya. Tanggapan positif pelajar menunjukkan bahawa pelajar bersemangat dan bermotivasi untuk mengikuti proses pembelajaran yang berasaskan model STAD.

2.4.3 Sikap Terhadap Pembelajaran Dengan Menggunakan Model STAD

Kriswintari, Yuanita dan Widodo (2018) menjalankan kajian yang menggunakan kaedah STAD dalam pembelajaran kimia. Kajian ini menekankan aspek kemahiran berfikir dan tingkah laku sosial terhadap pelajar gred sepuluh. Bagi mengkaji aspek tingkah laku sosial, pengkaji telah menyediakan '*observation sheet'* di mana ia dibangunkan melalui model Dick & Carey (2005). Tingkah laku sosial ini termasuklah jujur, bertanggungjawab, berdisiplin, bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan. Berdasarkan rajah 'Skor Purata Tingkah Laku Sosial Pelajar', didapati bahawa penunjuk tingkah laku sosial yang paling ketara yang ditunjukkan oleh pelajar semasa sesi pembelajaran adalah "bertanggungjawab". Hujahnya, ia dijelaskan bahawa salah satu ciri STAD adalah pelajar diuji secara individu dalam sesuatu kuiz/ujian tanpa bantuan daripada pelajar lain. Seterusnya, jumlah mata individu tersebut berfungsi sebagai asas mata yang diperuntukkan kepada kumpulan mereka. Ahli kumpulan bersaing satu sama lain untuk mendapatkan ganjaran atas dasar prestasi kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut. Oleh yang demikian, ini menyebabkan tanggungjawab sosial pelajar lebih tinggi semasa pembelajaran STAD dilaksanakan.

Kajian daripada Nengah & Dewa (2018) menyatakan dalam perbincangan dapatan kajian mereka bahawa para pelajar aktif dalam melakukan aktiviti pembelajaran menggunakan model STAD tetapi masih terdapat pelajar yang keliru dan malu untuk berkongsi idea mereka dengan ahli kumpulan semasa sesi perbincangan dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan dalam kajian St. Nurjannah & Daharia (2016) turut menyatakan bahawa pada pertemuan pertama, pelajar kurang memberi respon kerana kebanyakan daripada mereka masih malu dan janggal dengan kaedah pembelajaran secara kumpulan yang baru diperkenalkan. Pertemuan kali kedua juga menunjukkan pelajar kurang memberi respon. Ini disebabkan oleh sikap pelajar yang tidak melakukan tugasan dalam kumpulan dan tidak bekerjasama. Namun pada pertemuan ketiga, pelajar mula menunjukkan respon yang baik apabila mereka telah dapat menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran secara kumpulan yang diperkenalkan oleh guru.

Dalam kajian Ferina (2015) menyatakan bahawa pelajar gred lapan di SMPN 3, Banjarmasin Indonesia yang diajar menggunakan pembelajaran model STAD belajar dan bekerjasama dalam pasukan untuk memahami bahan-bahan pembelajaran. Pelajar juga memberi lebih perhatian semasa pembentangan kelas untuk menunjukkan prestasi yang lebih baik di dalam kuiz.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesan pembelajaran model STAD terhadap sikap pelajar turut dijalankan dalam mata pelajaran matematik. Kajian daripada Zainun et al. (2013), menunjukkan keputusan Ujian-t di mana terdapat perbezaan signifikan dari segi sikap pelajar terhadap matematik di antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Hasil kajian mendapati perbezaan yang ditunjukkan adalah bagi kategori keseronokan dalam matematik ($t= 6.435$, $p= 0.000 < 0.05$) dan aktiviti sosial dalam matematik ($t= 5.876$, $p= 0.000 < 0.05$). Walau bagaimanapun, tiada perbezaan yang signifikan ditunjukkan bagi aspek kepentingan/nilai dalam matematik ($t= 0.354$, $p= 0.786 > 0.05$). Selain itu, sebanyak 97.6% pelajar berasa lebih yakin menjawab soalan matematik dan 95.2% pelajar pula bersetuju bahawa pembelajaran menggunakan model STAD dapat membantu mereka mengingat fakta matematik. Dari sudut penglibatan, seramai 97.7% pelajar mengatakan penggunaan model STAD dalam pembelajaran dapat memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri secara aktif di dalam kelas. Namun begitu, terdapat beberapa aspek dalam pembelajaran model STAD yang kurang digemari pelajar seperti suasana kelas menjadi bising, perbincangan di luar tajuk pembelajaran, terdapat segelintir ahli yang kurang memberi kerjasama dalam menjawab soalan.

Dalam satu kajian lain pula, kaedah STAD dikaji melalui keberkesanannya ke atas sikap dan kemahiran berkomunikasi pelajar. Dapatan kajian daripada Azwani, Zahara, Sharifah dan Razaq (2012) menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap mata pelajaran sejarah berada di tahap sederhana. Namun begitu, kumpulan rawatan masih mencatat min yang lebih tinggi (3.93) berbanding dengan kumpulan kawalan (3.62). Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan penggunaan model STAD masih menerapkan sikap positif dalam mata pelajaran sejarah berbanding dengan kaedah tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Minat Terhadap Pembelajaran Dengan Menggunakan Model STAD

Nengah & Dewa (2018) yang menjalankan kajian tentang implimentasi kaedah pembelajaran model STAD dalam meningkatkan "*speaking skill*" pelajar gred 3 di Cipta Dharma Elementary School melaporkan bahawa murid memberi respon yang positif dalam kaedah pembelajaran model STAD yang dijalankan. Namun begitu, murid yang berpencapaian rendah tidak begitu aktif dan tidak menunjukkan minat dalam perbincangan kumpulan.

Dalam kajian Saifulnizam dan Faridah (2017) turut mengkaji keberkesanan kaedah pengajaran STAD dari segi minat pelajar. Hasil analisis soal selidik mendapati pelajar menunjukkan persepsi positif seperti keinginan dan minat terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan model STAD berbanding dengan kaedah berpusatkan pensyarah.

Hasil daripada temubual dalam kajian Wong (2017) turut menunjukkan pembelajaran model STAD menambahkan lagi minat pelajar terhadap Matematik berbanding dengan kaedah pembelajaran tradisional.

Kajian daripada Zainun et al. (2013), item dalam soal selidik diuji dalam kajian ini untuk mengenal pasti persepsi pelajar dari segi minat pelajar terhadap pembelajaran model STAD dalam matematik. Analisa terhadap persepsi pelajar mendapati bahawa 92.8% pelajar kumpulan rawatan telah meningkat minat mereka terhadap matematik. Item dalam soal selidik seperti "saya suka belajar matematik kaedah STAD" dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"kaedah STAD telah menambahkan minat saya" masing-masing menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 88.1% dan 69%.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan daripada kajian terdahulu menunjukkan bahawa persepsi pelajar dari segi kefahaman, motivasi, sikap dan minat pelajar terhadap pembelajaran mereka selepas menggunakan model STAD adalah positif. Ini bermakna keberkesanan penggunaan model STAD dapat menghasilkan persepsi pelajar yang positif terhadap pembelajaran mereka.

2.5 Rumusan

Di dalam bab ini, pengkaji membincangkan sorotan kajian daripada kajian-kajian terdahulu dengan lebih terperinci di mana kajian tersebut berhubung kait dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Antara aspek yang disentuh dalam tinjauan ini adalah dari segi konsep dan teori pembelajaran aktif, perkembangan model STAD sebagai strategi pembelajaran aktif, kepentingan penggunaan model STAD dalam subjek Prinsip Perakaunan serta kajian-kajian lepas mengenai perbandingan pelaksanaan pembelajaran model STAD dengan pembelajaran secara tradisional di dalam dan di luar negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan metodologi kajian di mana ia adalah suatu kaedah pelaksanaan kajian yang dijalankan ke atas subjek kajian. Aspek yang disentuh adalah reka bentuk kajian, lokasi kajian yang dipilih, populasi dan persampelan, instrumen kajian yang digunakan, pelaksanaan kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian kuasi-eksperimen ini, pengkaji menggunakan reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan-kumpulan tidak seimbang atau '*non-equivalent groups pre-post tests design*' di mana reka bentuk ini terdiri daripada dua kumpulan sampel kajian yang tidak dipilih secara rawak. Ini dijelaskan dalam Cook dan Campbell (1979) bahawa jenis reka bentuk kuasi-eksperimen tidak melibatkan pemilihan sampel secara rawak. Reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan-kumpulan tidak seimbang ini adalah berdasarkan kumpulan yang tidak setara (Campbell & Stanley, 1996). Kumpulan tidak setara ini diterangkan dengan lebih jelas dalam bahagian sampel kajian.

Reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan-kumpulan tidak seimbang yang digunakan dalam kajian kuasi-eksperimen ini sesuai bagi kajian yang berkaitan dengan keberkesanan mengenai sesuatu kaedah pengajaran, modul atau program yang baharu diperkenal terutamannya apabila melibatkan situasi di sekolah (Newman, 1991). Oleh yang demikian, reka bentuk kajian ini sesuai untuk digunakan dalam tajuk kajian iaitu keberkesanan model STAD dalam pembelajaran bagi subjek Prinsip Perakaunan.

Berdasarkan reka bentuk kajian dalam Jadual 3.1, pemboleh ubah tidak bersandar adalah model STAD (rawatan) dan kaedah tradisional (tanpa rawatan) manakala pemboleh ubah bersandar ialah tahap pencapaian kedua-dua kumpulan pelajar. Kumpulan pelajar yang terlibat dalam kajian adalah kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kedua-dua kumpulan pelajar ini adalah daripada kelas yang berlainan di mana kumpulan rawatan dari kelas 4 Kenanga manakala kumpulan kawalan dari kelas 4 Teratai. Jadual 3.1 menunjukkan reka bentuk ujian pra-pasca bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan-kumpulan tidak seimbang yang digunakan dalam kajian kuasi-eksperimen ini.

Jadual 3.1

Reka Bentuk Ujian Pra-pasca bagi Kumpulan-kumpulan Tidak Seimbang (Non-equivalent Groups Pre-post Tests Design)

Kumpulan	Bilangan	Ujian Pra	Rawatan	Soal Selidik	Ujian Pasca
Kawalan	30	T1	-	-	T2
Rawatan	30	T1	X1	Q1	T2

Sumber: *Chua (2006)*

Petunjuk:
T1- Ujian Pra
X1- Rawatan
Q1- Soal Selidik
T2-Ujian Pasca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, Cook dan Campbell (1979) telah mengenalpasti beberapa jenis ancaman dalam kajian kuasi-eksperimen seperti terdapat pemboleh ubah luaran atau ekstranus yang meliputi dalam kajian ini seperti pemilihan sampel, siapa yang terlibat dalam memberi rawatan kajian, jangka masa kajian, penyediaan soalan dan gaya pengajaran guru. Ekstranus turut mempengaruhi atau memberi kesan kepada pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar sekiranya tidak dikawal selain boleh meningkatkan ralat dalam kajian. Oleh itu pengkaji perlu peka terhadap ancaman yang dikenal pasti seperti ekstranus seterusnya mengawal kesan ekstranus daripada berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi mengawal ekstranus, beberapa langkah perlu diberi perhatian. Antaranya ialah tahap pencapaian bagi kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan hendaklah berada pada tahap kognitif yang hampir sama. Langkah yang dilaksanakan untuk mengawal ekstranus ini adalah ujian pra dijalankan terhadap kedua-dua kumpulan sebelum rawatan diberikan. Kemudian analisis ujian-t tidak bersandar digunakan bagi memastikan bahawa tiada perbezaan yang wujud dari segi kemahiran dan pengetahuan kedua-dua kumpulan pelajar dalam topik Lejar.

Seterusnya, langkah kedua untuk mengawal ekstranus ialah kajian dijalankan oleh guru subjek prinsip perakaunan. Pelaksanaan bagi kaedah pembelajaran model STAD dan kaedah pembelajaran secara tradisional perlu dijalankan oleh guru subjek tersebut. Pengkaji telah memperkenalkan model STAD kepada guru sebelum kajian tersebut dijalankan. Jangka masa kajian adalah termasuk dengan masa yang diambil oleh pengkaji untuk memperkenalkan model STAD kepada guru subjek prinsip perakaunan.

Dari segi jangka masa kajian, kedua-dua ujian perlu dijalankan secara serentak terhadap kedua-dua kumpulan pelajar iaitu dilaksanakan pada hari dan masa yang sama. Penyelidik meminta kebenaran guru subjek pada waktu tersebut untuk menggantikan masa dengan guru mata pelajaran prinsip perakaunan bagi menjalankan ujian kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Jangka masa kajian dijalankan adalah selama enam minggu iaitu ujian pra dijalankan pada minggu ketiga bulan Jun 2018 manakala ujian pasca dijalankan selepas rawatan selama empat minggu, iaitu pada minggu ketiga bulan Julai 2018.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi pembinaan soalan ujian pula ia disediakan berdasarkan silibus dalam modul Prinsip Perakaunan yang merangkumi topik dalam bab 5 iaitu Lejar. Tahap kesukaran soalan yang dibina adalah berdasarkan kepada Jadual Penentu Ujian (JPU) dengan berpandukan aras Taksonomi Boom iaitu merangkumi aspek pengetahuan, kefahaman, analisis dan aplikasi. Kedua-dua soalan ujian beserta skema jawapan dibuat oleh pengkaji tetapi disemak dan disahkan oleh guru panitia Prinsip Perakaunan di sekolah kajian dijalankan. Ini bagi memastikan kesahan kandungan dalam soalan ujian. Pengkaji turut memohon guru panitia Prinsip Perakaunan untuk menyemak rancangan pengajaran harian bagi kedua-dua kaedah pembelajaran yang akan digunakan sebelum menjalankan ujian sebenar kepada pelajar. Ini bertujuan untuk memastikan rancangan pengajaran harian yang digunakan adalah bersesuaian dan menepati matlamat kajian.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Soal selidik pula dibina berdasarkan rujukan kajian lepas iaitu kajian Azizi, Noordin, Shahrin, Jamaludin & Intan (2011). Pengkaji mengolah soalan mengikut kesesuaian objektif kajian. Bagi menguji kesahan soal selidik, 33 item soal selidik telah disemak oleh pensyarah universiti yang mahir dalam bidang perakaunan. Semakan pakar adalah perlu bagi memastikan ketepatan konstruk ayat serta kejelasan kandungan yang disampaikan (Kline, 2005). Bagi menguji kebolehpercayaan soal selidik pula, pengkaji menjalankan kajian rintis terlebih dahulu sebelum mengedarkan soal selidik kepada kumpulan rawatan.

Gaya pengajaran guru juga adalah ekstranus yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar. Gaya pengajaran guru perlu diselaraskan oleh pengkaji supaya tidak terdapat perbezaan yang ketara dengan gaya pengajaran yang dikehendaki oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji. Justeru itu, pengkaji memberi taklimat yang jelas kepada guru-guru yang terlibat dalam kajian ini sebelum kaedah rawatan dan tanpa rawatan diberikan.

3.2 Lokasi Kajian

Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian di Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) SMK Bandar Utama, Damansara (3), Petaling Jaya, Selangor. Lokasi kajian ini dijalankan adalah di dalam bilik darjah. Rasional pemilihan sekolah ini dibuat adalah berdasarkan aspek ciri-ciri sekolah tersebut. SMK Bandar Utama Damansara (3) mempunyai ciri-ciri persamaan kelas yang menawarkan mata pelajaran Prinsip Perakaunan di mana terdapat tiga buah kelas tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran tersebut. Secara tidak langsung, pengkaji dapat mengawal pemboleh ubah luaran atau ekstranus daripada berlaku kerana ketiga-tiga kelas termasuk kelas yang terlibat dalam kajian rintis berada di lokasi yang sama.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi merupakan kelompok individu, objek atau perkara yang terdapat sifat-sifat yang sama yang ingin dikaji (Razak & Hairul, 2010). Populasi kajian adalah pelajar-pelajar tingkatan 4 dari kelas aliran sains sosial. Pelajar tingkatan 4 dipilih kerana mereka tidak terlibat dengan peperiksaan besar seperti SPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala persampelan pula merupakan pengambilan sebahagian pecahan daripada suatu populasi sebagai mewakili populasi tersebut. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kumpulan yang tidak setara (Campbell & Stanley, 1996). Kumpulan yang tidak setara bermaksud pengkaji menyediakan sampel dari kelas yang sedia ada tanpa memilih responden secara rawak (Fraenkel & Wallen, 2008). Hal ini kerana pengkaji tidak dapat menukar jantina, bangsa, pencapaian dan kedudukan pelajar di dalam kedua-dua kelas yang dipilih. Pelajar yang terlibat dalam kajian berada di dalam kelas yang telah ditetapkan dinamakan sebagai '*intact group'* di mana mereka mempunyai beberapa persamaan seperti umur, aliran yang diambil dan pencapaian mereka. Sekiranya pengkaji tidak memilih persampelan secara rawak, maka '*intact group'* sesuai untuk digunakan dalam reka bentuk kajian kuasi-eksperimen (Cook & Campbell, 1979).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dua buah kelas yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan yang hampir sama di mana ia dibuktikan melalui analisis ujian pra. Ini penting bagi memastikan kesahan kajian dari aspek pemilihan sampel. Keputusan ujian pra menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kedua-dua buah kelas. Ini menunjukkan tahap pencapaian akademik hampir sama dan seterusnya pengkaji dapat melakukan kajian ke atas kedua-dua kumpulan melalui kaedah yang akan digunakan. Sampel yang dipilih dalam kajian adalah seramai 60 orang pelajar yang terdiri daripada dua kumpulan. Dua kumpulan tersebut adalah kumpulan kawalan iaitu dari kelas 4 Kenanga dan kumpulan rawatan iaitu dari kelas 4 Teratai yang masing-masing mewakili 30 orang setiap daripadanya. Setiap pelajar di dalam kedua-dua kumpulan kelas perlu melibatkan diri secara langsung dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Instrumen Kajian

Menurut Syuhaidi dan Fazira (2019), instrumen kajian adalah asas untuk mendapatkan data seperti yang diperlukan dalam analisis kajian untuk mencapai objektif dalam sesuatu kajian. Dalam erti kata lain, instrumen kajian ialah alat untuk mengutip data bagi menjalankan kajian. Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah ujian pra, ujian pasca dan borang soal selidik.

Selain daripada pencapaian skor dalam ujian pra dan ujia pasca, komponen lain yang dilihat adalah dari segi kefahaman, motivasi, sikap dan minat pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan melalui pelaksanaan model ini dalam pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, pengkaji menyediakan soal selidik kepada pelajar kumpulan rawatan selepas mereka menjalani rawatan iaitu pembelajaran menggunakan model STAD.

3.4.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca

Pengkaji menggunakan ujian pra (Lampiran A) untuk memperoleh gambaran awal mengenai maklumat pencapaian, kemahiran dan pengetahuan asas sampel kajian. Manakala ujian pasca (Lampiran B) pula digunakan selepas sampel kajian menjalani rawatan atau intervensi iaitu setelah menjalani kaedah pembelajaran model STAD bagi kumpulan rawatan atau kaedah pembelajaran tradisional bagi kumpulan kawalan. Ujian pasca dijalankan bagi menentukan tahap pencapaian pelajar daripada kedua-dua kumpulan dengan membuat perbandingan skor yang dicapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi pembinaan soalan dalam kedua-dua ujian, ia dibina berdasarkan silibus dalam modul Prinsip Perakaunan yang merangkumi topik dalam bab 5 iaitu Lejar. Tahap kesukaran soalan yang dibina adalah berdasarkan kepada Jadual Penentu Ujian (JPU) dengan berpandukan aras Taksonomi Boom iaitu merangkumi aspek pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian seperti dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2

Jadual Penentu Ujian Bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca

Bahagian Soalan	Jumlah Soalan	Standard Pembelajaran (SP)	Aras Kognitif					
			1	2	3	4	5	6
Kertas 1 - Objektif (10 markah)	10	SP 5.1.1	1					
		SP 5.1.2		1				
		SP 5.1.3		1				
		SP 5.1.4		1	1			
		SP 5.2.1		1				
		SP 5.2.2		1	1			
		SP 5.2.3		1	1			
Kertas 2 - Subjektif (10 markah)	1	SP 5.2.4				1	1	
		SP 5.2.5				1		
		SP 5.2.6				1		

Petunjuk:
Aras 1 – Pengetahuan
Aras 2 – Kefahaman
Aras 3 – Aplikasi
Aras 4 – Analisis
Aras 5 – Sintesis
Aras 6 - Penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 3.2, standard pembelajaran diambil daripada DSKP Prinsip Perakaunan KSSM Tingkatan 4. Bentuk soalan ujian pra dan ujian pasca yang digubal ini selaras dengan keperluan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015) di mana ujian pencapaian kertas 1 Prinsip Perakaunan mengandungi aras kognitif pengetahuan, pemahaman dan aplikasi yang sesuai dengan pelajar Tingkatan 4.

Kedua-dua set ujian pra dan ujian pasca terdiri daripada 10 soalan objektif dan 1 soalan struktur. Hanya 10 soalan objektif sahaja dipilih kerana kebanyakan soalan dalam topik Lejar berbentuk pengiraan yang berdasarkan konsep asas perakaunan maka pelajar berkemungkinan akan mengambil masa untuk menjawab. Soalan struktur pula dipilih kerana pengkaji beranggapan soalan struktur dapat menguji kefahaman sebenar pelajar kerana pelajar perlu menunjukkan langkah pengiraan dengan menggunakan format yang betul. Kedua-dua ujian mempunyai bilangan item soalan yang sama banyak, bentuk, format dan arahan yang sama tetapi hanya soalan yang berbeza diuji. Hal ini bertujuan untuk menguji kemahiran berfikir pelajar kerana maklumat dan kehendak soalan di bahagian struktur diubah. Kedua-dua soalan ujian dan skema jawapan dibuat oleh pengkaji berdasarkan topik Lejar dalam sukatan pelajaran Prinsip Perakaunan Tingkatan 4.

3.4.2 Soal Selidik

Selain daripada ujian pra dan ujian pasca, borang soal selidik (Lampiran C) turut digunakan oleh pengkaji sebagai instrumen kajian. Tujuan soal selidik digunakan adalah untuk memperoleh data dan maklumat mengenai persepsi pelajar kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rawatan terhadap Prinsip Perakaunan setelah mereka menjalani pembelajaran model STAD. Soal selidik dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Jadual 3.3 menunjukkan item-item bagi setiap bahagian dalam soal selidik.

Jadual 3.3

Item-item bagi Komponen dalam Soal Selidik

Bahagian	Gagasan yang diukur	No. Item	Jumlah Item
Bahagian A	Maklumat Demografi (jantina, kelas, bangsa)	A1-A3	3
Bahagian B	Penilaian persepsi pelajar terhadap pembelajaran selepas menggunakan model STAD dari segi:		
	B(I) Kefahaman	B1 - B6	6
	B(II) Motivasi	B7 - B12	6
	B(III) Sikap	B13 - B22	10
	B(IV) Minat	B23 - B30	8
Jumlah			33

Bagi soal selidik Bahagian B, item soalan ini diukur dengan menggunakan Skala Likert Empat Mata. Menurut Chua Yan Piaw (2013), skala Likert banyak digunakan dalam penyelidikan sains sosial dan pendidikan. Hal ini kerana skala likert mempunyai kelebihan seperti mudah diurus dan dipakai, item-item mudah dijawab oleh responden, data yang dipungut melalui skala Likert lebih tinggi kepercayaan berbanding dengan skala-skala lain seperti Thurstone dan Guttman. Skala Likert yang digunakan dalam bahagian B soal selidik adalah seperti di Jadual 3.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Pemarkahan Item-item (Skala Likert)

Skor	Keterangan
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Setuju
4	Sangat setuju

3.5 Kajian Rintis

Pengkaji menjalankan kajian rintis terlebih dahulu sebelum menjalankan kajian sebenar terhadap sampel kajian iaitu pelajar-pelajar Tingkatan 4 di SMK Bandar Utama Damansara (3). Ini adalah untuk memastikan kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan. Menurut Nadhilah dan Kamarul (2019), tujuan kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan instrumen kajian bersesuaian untuk digunakan dalam kajian sebenar. Kajian rintis juga berfungsi untuk menilai sejauh mana responden memahami setiap arahan soalan dan pernyataan yang disampaikan. Secara keseluruhannya, kajian rintis yang dijalankan akan membolehkan pengkaji mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam instrumen soal selidik yang diukur dengan menambah baik item-item supaya kajian yang akan dijalankan tidak terjejas.

Menurut Wiersma (2005), kajian rintis dijalankan ke atas sampel yang terhad bilangannya. Kebiasaannya di antara lima hingga 10 orang tetapi adakalanya melebihi 20 orang responden. Oleh yang demikian, suatu kajian rintis telah dilaksanakan terhadap 10 orang responden dari kelas 4 Seroja di mana responden ini tidak termasuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam sampel kajian sebenar. Ujian Kebolehpercayaan atau *Reliability Analysis* telah dijalankan dengan menggunakan program SPSS 23.0. Kajian ini menggunakan penentuan pekali *Cronbach's Alpha* untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik. Selepas data diperoleh dan dimasukkan ke dalam SPSS 23.0, nilai *Cronbach's Alpha* bagi instrumen soal selidik adalah sebanyak 0.943. Nilai *Cronbach's Alpha* yang diperoleh adalah seperti Jadual 3.5 berikut.

Jadual 3.5

Ujian Kebolehpercayaan (Reliability Test)

Cronbach's Alpha	N of items
0.943	30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika nilai *Cronbach's Alpha* kurang daripada 0.60, ini bermakna instrumen tersebut tidak sesuai dan perlu dibaiki. Manakala jika nilai koefisien *Cronbach's Alpha* melebihi 0.60 dan ke atas, maka instrumen tersebut boleh diterima. Berdasarkan nilai '*Cronbach's Alpha* seperti di Jadual 3.5, nilai tersebut menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen soal selidik berada pada tahap sangat baik. Maka instrumen ini boleh diguna pakai bagi meneruskan kajian yang ingin dijalankan. Jadual 3.6 berikut menunjukkan tahap kebolehpercayaan berdasarkan nilai *Cronbach's Alpha.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6

Tahap Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha

Nilai Cronbach's Alpha	Darjah Kebolehpercayaan
0.0 – 0.20	Lemah
> 0.20 – 0.40	Sederhana lemah
> 0.40 – 0.60	Sederhana
> 0.60 – 0.80	Baik
> 0.80 – 1.00	Sangat baik

Sumber: Azizi, Zainab, Baharudin dan Ismail (2016)

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Kesahan adalah suatu konsep yang penting dalam membentuk sesuatu ujian. Kesahan alat ukuran dapat menunjukkan sejauh mana alat ukuran tersebut dapat menilai sesuatu yang hendak diukur mengikut objektif kajian yang ditetapkan. Konsep kesahan perlu dijalankan supaya item-item yang diambil sebagai instrumen dapat mengukur isi kandungan yang ingin dikaji (Khairul, Nik Zulkarnaen & Hasyamuddin, 2015). Oleh hal yang demikian, bagi menjalankan sesuatu kajian, instrumen kajian itu perlu mempunyai kesahan yang tinggi sebelum ianya digunakan bagi mengelakkan *bias.*

Kedua-dua ujian pra dan ujian pasca perlu diuji kesahannya bagi melihat kesesuaian ujian pembinaan ayat dari segi isi kandungan, kesesuaian masa menjawab, kejelasan arahan soalan. Oleh yang demikian, satu kajian rintis bagi ujian pra dan ujian pasca dilaksanakan terhadap 10 orang pelajar dari kelas 4 Seroja yang tidak terlibat sebagai sampel dalam kajian ini bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. 10 orang pelajar dari kelas 4 Seroja dipilih kerana kelas tersebut berada di dalam lingkungan populasi kajian serta bilangan pelajar adalah terhad di dalam kelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut iaitu kurang daripada 15 orang pelajar. Najib (2003) turut menyatakan sampel kajian rintis tidak perlu besar tetapi memadai iaitu sekitar enam hingga 10 orang.

Hasil dapatan dari kajian rintis, didapati pelajar dapat mengikuti pembelajaran model STAD dengan baik dan pelajar dapat memahami kehendak soalan. Namun begitu, terdapat beberapa respon yang didapati daripada guru yang mengajar sewaktu kajian rintis bagi ujian pra dan ujian pasca dijalankan. Antaranya ialah soalan objektif yang banyak dan pelajar mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan objektif. Oleh yang demikian, pelajar menghadapi kesuntukan masa untuk menjawab soalan subjektif kerana mengambil masa yang lama di bahagian objektif. Justeru pengkaji mengurangkan soalan objektif daripada 20 soalan kepada 10 soalan sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat komen yang positif daripada guru tersebut iaitu pelaksanaan model STAD menarik minat pelajar untuk lebih bertanggungjawab membantu rakan-rakan mereka.

Selain itu, kesahan kandungan item dalam ujian pra dan ujian pasca turut disemak oleh guru panitia Prinsip Perakaunan yang turut mengajar mata pelajaran tersebut bagi tingkatan 4. Menurut Imran, Firdaus dan Najib (2019), semakan pakar adalah perlu bagi memastikan kesahan kandungan. Semakan daripada guru panitia Prinsip Perakaunan juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan komen beliau terhadap kesesuaian item untuk digunakan dalam ujian. Jadual 3.7 menunjukkan bentuk soalan dan bilangan item dalam setiap bahagian bagi ujian pra dan ujian pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Item-item bagi Komponen dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

Ujian	Gagasan yang diukur	No. Item	Jumlah Item
Ujian Pra	Bahagian A: Soalan Objektif	A1-A10	10
	Bahagian B: Soalan Subjektif	B1	1
Ujian Pasca	Bahagian A: Soalan Objektif	A1-A10	10
	Bahagian B: Soalan Subjektif	B1	1
Jumlah			22

Kesahan terhadap item-item dalam ujian pra dan ujian pasca dapat mengawal *bias* dan pemboleh ubah ekstranus yang mana dapat menjejaskan hasil kajian. Dengan mengawal *bias*, skor yang diperolehi dapat menggambarkan tahap penguasaan sebenar pelajar terhadap topik Lejar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan soal selidik pula diuji dengan semakan daripada pensyarah universiti yang mahir dalam bidang perakaunan. Sebanyak 33 item soal selidik telah disemak dari aspek ketepatan penggunaan konstruk, kejelasan maksud setiap item, kesesuaian bahasa yang digunakan, kejelasan tentang arahan yang diberikan, petunjuk bagi skala pengukuran serta ejaan dan struktur ayat. Semakan pakar tersebut memberi maklum balas bahawa instrumen yang dibina mempunyai kesahan kandungan yang bersesuaian dan menepati matlamat kajian. Semakan pakar adalah perlu bagi memastikan ketepatan konstruk ayat serta kejelasan kandungan yang disampaikan (Kline, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Prosedur Kajian

Pengkaji telah merancang prosedur kajian terlebih dahulu sebelum menjalankan kajian. Hal ini bertujuan supaya kajian dapat dijalankan dengan langkah yang lebih sistematik. Pemilihan tajuk kajian telah dibuat berdasarkan beberapa pernyataan masalah yang dikaji sebelum menjalankan kajian. Setelah memilih tajuk, penyediaan dan pembentangan proposal kajian dilakukan serta penyediaan instrumen kajian iaitu satu set ujian pencapaian pra dan pasca bagi tajuk Lejar dan satu set borang soal selidik. Kemudian, kesahan instrumen dilakukan dengan bantuan guru panitia Prinsip Perakaunan untuk mendapatkan kesahan yang tinggi bagi soalan ujian pra dan pasca. Manakala bagi soal selidik pula, kesahan dan kebolehpercayaan diuji dengan menjalankan kajian rintis terhadap 10 orang pelajar tingkatan 4 Seroja yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan sebagai subjek elektif mereka dan mereka tidak terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

Kajian ini dijalankan di SMK Bandar Utama Damansara (3), Petaling Jaya. Sebelum menjalankan kajian dan mengumpul data, pengkaji telah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan kajian di sekolah. Permohonan borang EPRD (Lampiran F) bagi kebenaran menjalankan penyelidikan ini adalah melalui *online* iaitu di laman web eRas 2.0. Kajian hanya boleh dilakukan dalam tempoh enam bulan sahaja selepas tarikh surat permohonan kebenaran menjalankan kajian dikeluarkan. Pengkaji juga turut mendapatkan kebenaran daripada Penolong Kanan SMK Bandar Utama Damansara (3) bagi menjalankan kajian di sekolah tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setelah mengemukakan surat kebenaran daripada pihak UPSI bagi menjalankan kajian dan penyelidikan (Lampiran G).

Dalam kajian ini, ujian dilaksanakan ke atas pelajar di dalam bilik darjah masing-masing dan masa yang diberi untuk menjawab adalah satu jam bagi setiap ujian yang dijalankan. Kumpulan rawatan didedahkan kepada pengajaran dan pembelajaran model STAD iaitu mengikut Rancangan Pengajaran Harian (Lampiran D). Manakala bagi kumpulan kawalan, mereka menjalani kaedah pengajaran dan pembelajaran secara tradisional tanpa sebarang rawatan (intervensi) iaitu hanya menitik beratkan penyampaian ilmu dari segi penerangan dan soal jawab dengan guru tanpa melibatkan aspek-aspek kendiri atau kemahiran sosial yang lain seperti dalam Rancangan Pengajaran Harian (Lampiran E). Sebelum proses rawatan dimulakan, ujian pra diberikan kepada kedua-dua kumpulan pada waktu yang sama. Ini bertujuan untuk menilai tahap kemahiran dan pengetahuan sedia ada pelajar dalam topik Lejar bagi subjek Prinsip Perakaunan.

Seterusnya, rawatan dijalankan oleh guru subjek prinsip perakaunan di mana pengkaji telah menerangkan terlebih dahulu mengenai pelaksanaan pembelajaran model STAD. Rawatan ini dijalankan selama empat minggu kepada pelajar kumpulan rawatan. Manakala pelajar kumpulan kawalan mendapat pembelajaran biasa atau tradisional sepanjang tempoh rawatan tersebut.

Selepas tamat tempoh tersebut, pelajar dalam kedua-dua kumpulan akan menjalani ujian pasca pada masa yang sama. Tujuan ujian pasca diberi adalah bagi mengenalpasti sama ada berlaku peningkatan dalam pencapaian pelajar bagi topik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lejar. Peningkatan pencapaian pelajar dalam topik tersebut dinilai setelah pengkaji membuat perbandingan markah antara ujian pra dan ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan. Bagi instrumen soal selidik pula, ia diberi kepada kumpulan rawatan sahaja. Hal ini kerana soal selidik tersebut adalah untuk mengenal pasti persepsi atau pandangan pelajar setelah menjalani pembelajaran dengan menggunakan model STAD. Data daripada kedua-dua ujian dan data daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan SPSS 23.0.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan dijalankan selama lebih kurang enam minggu di lokasi kajian di mana bermula daripada bulan Jun sehingga bulan Julai. Pada minggu pertama, ujian pra dijalankan terhadap kedua-dua kumpulan, minggu kedua sehingga minggu kelima pula pelaksanaan pembelajaran model STAD terhadap pelajar kumpulan rawatan dan minggu terakhir adalah minggu di mana ujian pasca dijalankan terhadap kedua-dua kumpulan. Rajah 3.1 menunjukkan secara ringkas mengenai prosedur kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Prosedur menjalankan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Analisis Data

Data kajian ini dianalisis menggunakan data secara kuantitatif. Data ini dikutip melalui markah pencapaian dalam ujian pra dan ujian pasca serta soal selidik. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua jenis analisis iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi.

3.8.1 Analisis Deskriptif

Menurut Maliki, Maimun dan Aderi (2018), statistik deskriptif digunakan untuk meringkaskan, merumus dan mempersembahkan sekumpulan data. Analisis deskriptif juga digunakan untuk menghuraikan aspek yang berbeza dalam sesuatu data. Data yang diperoleh daripada skor pencapaian pelajar dalam kedua-dua ujian dihurai dalam jadual yang menunjukkan bentuk taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Selain itu, analisis deskriptif turut digunakan untuk menerangkan profil sampel iaitu data daripada demografi pelajar yang diperoleh melalui borang soal selidik.

Analisis deskriptif digunakan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian keenam iaitu ‘Apakah persepsi pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD?’. Analisis dibuat berdasarkan interpretasi skor min. Dapatan nilai min yang diperoleh bagi setiap elemen akan dibahagikan mengikut julat min. Julat min diterjemahkan mengikut tiga tahap seperti di dalam Jadual 3.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.8

Interpretasi Skor Min Mengikut Tahap

Skor min	Interpretasi skor min
≤ 2.00	Tahap rendah
2.01 – 3.00	Tahap sederhana
3.01 – 4.00	Tahap tinggi

Sumber: *Zainudin, Meor, Megat dan Ali (2007)*

3.8.2 Analisis Inferensi

Analisis inferensi digunakan untuk mengkaji perkaitan antara pemboleh ubah dari data yang diperoleh dengan lebih mendalam. Terdapat tiga analisis ujian yang digunakan dalam kajian ini iaitu *independent sample t-test*, *paired sample t-test* dan *Pearson Correlation*.

Independent sample t-test atau ujian-t tidak bersandar digunakan untuk menentukan perbezaan skor min dalam ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan serta perbezaan skor min ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Paired sample t-test atau ujian-t berpasangan pula digunakan untuk menentukan perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan serta perbezaan skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru bagi mengukur peningkatan pencapaian pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca, analisis dibuat berdasarkan interpretasi skor min mengikut gred permarkahan (20%) seperti Jadual 3.9 yang diubahsuai daripada Julat Gred Markah Menengah Atas.

Jadual 3.9

Interpretasi Skor Min Mengikut Gred Pemarkahan (20%)

Markah	Gred	Catatan
16 – 20	A	Baik
11 – 15	B	Sederhana
6 – 10	C	Lemah
0 – 5	D	Sangat Lemah

Diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (2016)

Bagi Korelasi Pearson pula ia digunakan oleh pengkaji untuk menguji hipotesis yang melibatkan hubungan antara rawatan model STAD dengan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pasca. Hubungan korelasi biasanya terletak di antara -1 dan +1. Jika pekali korelasi r= +1, maka ia menunjukkan hubungan linear yang positif antara dua pemboleh ubah. Sementara r= -1 menunjukkan hubungan linear yang negatif antara dua pemboleh ubah. Jika r= 0, maka ia menunjukkan tiada hubungan linear antara dua pemboleh ubah. Berikut adalah interpretasi nilai pekali korelasi seperti dalam Jadual 3.10.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Interpretasi Nilai Pekali Korelasi, r

Nilai pekali korelasi, *r*	Tafsiran pekali
1.0	Sempurna
0.80 – 0.99	Sangat Kuat
0.60 – 0.79	Kuat
0.40 – 0.59	Sederhana
0.2 – 0.39	Lemah
0.01 – 0.19	Sangat Lemah
0.0	Tiada Hubungan

Sumber: *Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor (2014)*

Secara ringkasnya, lima hipotesis telah dibina berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian. Bagi persoalan kajian keenam iaitu mengkaji persepsi pelajar terhadap pembelajaran dengan menggunakan model STAD dalam Prinsip Perakaunan dianalisis menggunakan analisis deskriptif . Analisis jenis ujian yang digunakan bagi setiap hipotesis ditunjukkan seperti Jadual 3.11 berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11

Hipotesis yang Diuji

Bil.		Hipotesis Nol	Jenis Ujian
1	H_{01}:	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra	Ujian-t tidak bersandar
2	H_{02}:	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca	Ujian-t tidak bersandar
3	H_{03}:	Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan	Ujian-t berpasangan
4	H_{04}:	Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan	Ujian-t berpasangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5	H_{05}:	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian akademik pelajar dalam ujian pasca.	Korelasi Pearson

3.9 Rumusan

Dalam bab ini pengkaji telah membincangkan kaedah atau prosedur tentang kajian yang dijalankan iaitu dengan menerangkan tentang reka bentuk kajian, lokasi kajian dijalankan, populasi dan persampelan, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur menganalisis data. Pengkaji turut melaporkan hasil kajian rintis yang dijalankan bagi tujuan menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan sebelum menjalankan kajian ke atas responden sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.0 Pendahuluan

Bab ini memperincikan dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas responden kajian iaitu pelajar-pelajar daripada tingkatan 4 Teratai dan 4 Kenanga di SMK Bandar Utama Damansara (3), Petaling Jaya, Selangor. Analisis yang dilakukan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan data daripada demografi pelajar serta digunakan untuk menjawab persoalan kajian tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD. Manakala bagi analisis inferensi pula, ia digunakan untuk mengenalpasti perbezaan tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan bagi kedua-dua ujian, mengenalpasti perbezaan pencapaian antara ujian pra dan ujian pasca kedua-dua kumpulan serta mengenalpasti hubungan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pasca.

4.1 Analisis Demografi Responden

Bahagian ini akan menerangkan dapatan kajian berhubung dengan ciri-ciri demografi responden kajian seperti jantina, kelas, bangsa dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran model STAD dalam PdPc bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.1 Jantina

Jadual 4.1 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina. Responden terdiri daripada 22 orang pelajar lelaki (36.7%) dan 38 orang pelajar perempuan (63.3%). Maka dapat dilihat di sini bahawa majoriti daripada jumlah responden yang diperolehi adalah daripada kalangan pelajar perempuan dengan perbezaan sebanyak 16 orang (26.67%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	22	36.7
Perempuan	38	63.3
Jumlah	60	100.0

4.1.2 Kelas

Jadual 4.2 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut kelas. Sebanyak 60 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini di mana 30 orang pelajar daripada kelas 4 Teratai (kumpulan rawatan) dan 30 orang pelajar daripada kelas 4 Kenanga (kumpulan kawalan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Taburan Responden Mengikut Kelas

Kelas	Kekerapan	Peratus (%)
4 Teratai	30	50.0
4 Kenanga	30	50.0
Jumlah	60	100.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3 Bangsa

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan dan peratus responden mengikut bangsa. Responden kajian ini terdiri daripada 17 orang pelajar Melayu (28.3%), 38 orang pelajar Cina (63.3%) dan 5 orang pelajar India (8.3%). Maka dapat dilihat di sini iaitu perbezaan dari segi taburan, sebahagian besar adalah terdiri daripada pelajar Cina.

Jadual 4.3

Taburan Responden Mengikut Bangsa

Kaum	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	17	28.3
Cina	38	63.3
India	5	8.3
Jumlah	60	100.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian

4.2.1 Persoalan Kajian 1: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pra?

H_{01}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian pra dilakukan pada permulaan kajian pada kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Analisis Ujian-t tidak bersandar telah digunakan bagi menentukan perbezaan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan khususnya dalam topik Lejar antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra. Jadual 4.4 menunjukkan skor min ujian pra bagi kumpulan rawatan adalah (min= 15.217, sp= 2.116) manakala skor min ujian pra bagi kumpulan kawalan pula adalah (min= 14.883, sp= 1.897). Ini menunjukkan bahawa skor min ujian pra bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah pada tahap sederhana (skor antara 11 hingga 15). Hasil analisis Ujian-t tidak bersandar mendapati nilai t(58)= 0.642, nilai p= 0.523 > α 0.001. Ini bermakna hipotesis H_{01} gagal ditolak. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan bagi kedua-dua kumpulan dalam ujian pra. Dapatan ini penting untuk membuktikan bahawa tiada perbezaan yang wujud dari segi kemahiran awal kedua-dua kumpulan pelajar dalam topik Lejar. Pengetahuan yang setara antara kedua-dua kumpulan adalah penting supaya tidak mempengaruhi dapatan kajian kelak. Ini juga bagi memastikan kesahan kajian dari aspek pemilihan sampel seperti yang telah diterangkan dalam bab sebelum ini.

Jadual 4.4

Analisis Ujian-t Tidak Bersandar Mengenai Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Prinsip Perakaunan Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan Dalam Ujian Pra

Markah Ujian Pra	**Min**	**Sisihan Piawai**	**t**	**df**	**Signifikan**
Kumpulan Rawatan	15.217	2.116	0.642	58	0.523
Kumpulan Kawalan	14.883	1.897			

*Nilai signifikan p< 0.001

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Persoalan Kajian 2: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pasca?

H_{02}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca

Analisis Ujian-t tidak bersandar telah digunakan bagi menentukan perbezaan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan khususnya dalam topik Lejar antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pasca. Jadual 4.5 menunjukkan skor min ujian pasca bagi kumpulan rawatan adalah (min= 18.267, sp= 1.209) manakala skor min ujian pasca bagi kumpulan kawalan pula adalah (min= 15.133, sp= 1.613). Ini menunjukkan bahawa skor ujian pasca bagi kumpulan rawatan adalah pada tahap baik (skor antara 16 hingga 20) manakala kumpulan kawalan adalah pada tahap sederhana (skor antara 11 hingga 15). Hasil analisis Ujian-t tidak bersandar mendapati nilai t(58)= 8.514, nilai p= 0.000 < α 0.001. Ini bermakna hipotesis H_{02} ditolak. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar bagi kedua-dua kumpulan dalam ujian pasca. Peningkatan skor min yang lebih tinggi ditunjukkan dalam pencapaian pelajar kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Maka daripada analisis ini, ia memberi kesimpulan bahawa pendekatan model STAD dalam Prinsip Perakaunan berjaya meningkatkan pencapaian pelajar berbanding dengan pembelajaran tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Analisis Ujian-t Tidak Bersandar Mengenai Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Prinsip Perakaunan Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan Dalam Ujian Pasca

Markah Ujian Pasca	Min	Sisihan Piawai	t	df	Signifikan
Kumpulan Rawatan	18.267	1.209	8.514	58	0.000
Kumpulan Kawalan	15.133	1.613			

*Nilai signifikan p< 0.001

4.2.3 Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan?

H_{03}: Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan

Analisis Ujian-t berpasangan telah digunakan bagi menentukan perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan iaitu sebelum dan selepas pelaksanaan model STAD dalam pembelajaran mereka. Jadual 4.6 menunjukkan skor min pencapaian pelajar meningkat sebanyak 3.050 iaitu daripada 15.216 dalam ujian pra kepada 18.267 dalam ujian pasca. Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar kumpulan rawatan meningkat daripada tahap sederhana (skor min antara 11 hingga 15) ke tahap baik (skor min antara 16 hingga 20). Hasil analisis Ujian-t tidak bersandar mendapati nilai t(29)= - 13.771, nilai p= 0.000 < α 0.001. Ini bermaksud hipotesis H_{03} ditolak. Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermakna pelaksanaan model STAD dalam pembelajaran dapat meningkatkan pencapaian pelajar kumpulan rawatan ke tahap lebih tinggi.

Jadual 4.6

Analisis Ujian-t Berpasangan Terhadap Pencapaian Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan

Kumpulan Rawatan	Min	Sisihan Piawai	t	df	Signifikan
Ujian Pra	15.217	2.116	-13.771	29	0.000
Ujian Pasca	18.267	1.209			

*Nilai signifikan p< 0.001

4.2.4 Persoalan Kajian 4: Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{04}: Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan

Analisis Ujian-t berpasangan telah digunakan bagi menentukan perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan iaitu sebelum dan selepas pembelajaran tradisional dijalankan. Jadual 4.7 menunjukkan skor min pencapaian pelajar meningkat sebanyak 0.250 iaitu daripada 14.883 dalam ujian pra kepada 15.133 dalam ujian pasca. Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar kumpulan kawalan masih kekal pada tahap sederhana (skor min antara 11 hingga 15). Hasil analisis Ujian-t tidak bersandar mendapati nilai t(29)= -1.542, nilai p= 0.134 > α 0.001. Ini bermakna hipotesis H_{04} gagal ditolak. Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian dalam ujian pra dan ujian pasca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi kumpulan kawalan. Peningkatan skor min kumpulan kawalan iaitu 0.250 tidak begitu besar jika dibandingkan dengan peningkatan dalam skor min kumpulan rawatan di mana peningkatannya sebanyak 3.050. Ini bermakna pembelajaran secara tradisional tidak mampu untuk meningkatkan pencapaian pelajar kumpulan kawalan ke tahap yang lebih tinggi. Justeru analisis ini membuktikan bahawa pelaksanaan model STAD dalam Prinsip Perakaunan dapat meningkatkan pencapaian pelajar dengan lebih baik berbanding dengan pembelajaran secara tradisional.

Jadual 4.7

Analisis Ujian-t Berpasangan Terhadap Pencapaian Ujian Pra Dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan

Kumpulan Kawalan	Min	Sisihan Piawai	t	df	Signifikan
Ujian Pra	14.883	1.897	-1.542	29	0.134
Ujian Pasca	15.133	1.613			

*Nilai signifikan p< 0.001

4.2.5 Persoalan Kajian 5: Adakah Terdapat Hubungan antara Kaedah Pembelajaran Model STAD dengan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pasca?

H_{05}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar dalam ujian pasca.

Analisis Korelasi Pearson digunakan bagi mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pasca. Dapatan pada Jadual 4.8 menunjukkan bahawa wujud hubungan yang positif antara dua pemboleh ubah tersebut (r= 0.745). Ini menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar dalam ujian pasca di mana r= 0.745, p= 0.000 < α 0.001. Ini bermakna hipotesis H_{05} ditolak. Kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah adalah kuat kerana nilai pekali korelasi, r= 0.745 terletak di antara nilai 0.60 – 0.79. Hasil dapatan analisis ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pasca.

Jadual 4.8

Analisis Kolerasi Pearson Antara Pembolehubah Kaedah Pembelajaran Model STAD dengan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pasca

		Intervensi	**Markah Ujian Pasca**
Intervensi	Korelasi Pearson	1	.745(**)
	Sig. (1-hujung)	.	.000
	N	60	60

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.001 (1-hujung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6 Persoalan Kajian 6: Apakah Persepsi Pelajar terhadap Pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD?

Penilaian persepsi pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD diukur dari segi kefahaman, motivasi, sikap dan minat pelajar. Bagi menjawab persoalan kajian ini, sebanyak 30 item soalan dikemukakan kepada responden daripada kumpulan rawatan iaitu pelajar kelas 4 Teratai. Item-item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dibina adalah untuk mengenal pasti tahap penilaian sebenar persepsi mereka terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan setelah menggunakan model STAD.

4.2.6.1 Kefahaman Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD

Dapatan analisis item-item bagi mengukur tahap kefahaman pelajar kumpulan rawatan terhadap Prinsip Perakaunan setelah menggunakan model STAD dapat dilihat dalam Jadual 4.9.

Berdasarkan Jadual 4.9, enam item telah digunakan untuk mengukur kefahaman pelajar kumpulan rawatan terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD. Skor min yang mencatat nilai paling tinggi adalah item nombor lima iaitu "saya berupaya menyelesaikan soalan tugasan melalui kerjasama berkumpulan" dengan nilai skor min 3.13 dan sisihan piawai 0.776. Diikuti oleh item nombor dua iaitu "saya lebih memahami apabila rakan saya memberi penerangan dalam kumpulan" dengan skor min 3.10 dan item nombor tiga iaitu "saya lebih mahir menyelesaikan masalah apabila berbincang bersama rakan-rakan" dengan skor min 3.10. Manakala skor min paling rendah pula adalah item nombor satu, "saya lebih mudah memahami tajuk yang dipelajari melalui perbincangan kumpulan" dan item nombor enam, "saya berasa aktiviti perbincangan amat berguna kepada saya dalam memahami topik yang dibincangkan" di mana ia mencatat skor min yang sama iaitu 2.97. Sisihan piawai yang berada di bawah nilai satu menggambarkan variabiliti data yang agak sekata (Ramlee Ismail, Jamal Yunus & Marinah Awang, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Kefahaman Pelajar Kumpulan Rawatan Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1. Saya lebih mudah memahami tajuk yang dipelajari melalui perbincangan kumpulan	2.97	0.765	Sederhana
2. Saya lebih memahami apabila rakan saya memberi penerangan dalam kumpulan	3.10	0.759	Tinggi
3. Saya lebih mahir menyelesaikan masalah apabila berbincang bersama rakan-rakan	3.07	0.691	Tinggi
4. Soalan yang dijawab dengan betul semasa perbincangan kumpulan lebih banyak berbanding dengan secara individu	3.00	0.695	Tinggi
5. Saya berupaya menyelesaikan soalan tugasan melalui kerjasama berkumpulan	3.13	0.776	Tinggi
6. Saya berasa aktiviti perbincangan amat berguna kepada saya dalam memahami topik yang dibincangkan	2.97	0.718	Sederhana
Purata	3.04	0.611	Tinggi

Secara keseluruhannya, purata skor min 3.04 menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap Prinsip Perakaunan setelah menjalani pembelajaran model STAD berada pada tahap yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.2 Motivasi Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD

Dapatan analisis item-item bagi mengukur tahap motivasi pelajar kumpulan rawatan terhadap Prinsip Perakaunan setelah menggunakan model STAD adalah seperti dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10 menunjukkan enam item telah digunakan untuk mengukur motivasi pelajar kumpulan rawatan terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD. Skor min yang mencatat nilai tertinggi adalah item nombor 11 iaitu "saya mempelajari banyak perkara semasa perbincangan" dengan skor min 3.30 dan sisihan piawai 0.466. Diikuti oleh item nombor lapan dan item nombor 12 iaitu "melalui pengalaman pembelajaran dalam kumpulan, saya berasa lebih yakin diri dalam menjawab soalan akaun" dan "saya berasa pembelajaran berkumpulan dapat meningkatkan motivasi saya dalam mempelajari subjek Prinsip Perakaunan" dengan skor min 3.20. Manakala skor min paling rendah pula adalah item nombor 10, "rakan sekumpulan banyak membantu saya dalam menjawab soalan" dengan skor min 2.90.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Motivasi Pelajar Kumpulan Rawatan Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
7. Saya lebih bersemangat untuk mempelajari subjek Prinsip Perakaunan selepas didedahkan dengan pembelajaran dalam kumpulan	3.17	0.461	Tinggi
8. Melalui pengalaman pembelajaran dalam kumpulan, saya berasa lebih yakin diri dalam menjawab soalan akaun	3.20	0.551	Tinggi
9. Saya bebas menyuarakan pendapat semasa perbincangan	3.10	0.548	Tinggi
10. Rakan sekumpulan banyak membantu saya dalam menjawab soalan	2.90	0.662	Sederhana
11. Saya mempelajari banyak perkara semasa perbincangan	3.30	0.466	Tinggi
12. Saya berasa pembelajaran berkumpulan dapat meningkatkan motivasi saya dalam mempelajari subjek Prinsip Perakaunan	3.20	0.407	Tinggi
Purata	3.14	0.222	Tinggi

Secara keseluruhannya, purata skor min 3.14 menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar terhadap Prinsip Perakaunan setelah menjalani pembelajaran model STAD berada pada tahap yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.3 Sikap Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD

Dapatan analisis item-item bagi mengukur sikap pelajar kumpulan rawatan terhadap Prinsip Perakaunan setelah menggunakan model STAD adalah seperti dalam Jadual 4.11.

Berdasarkan Jadual 4.11, 10 item telah digunakan untuk mengukur sikap pelajar kumpulan rawatan terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD. Skor min yang mencatat nilai tertinggi adalah item nombor 14 iaitu "sikap bekerjasama dan bantu-membantu wujud dalam kalangan ahli kumpulan saya" dengan skor min 3.13 dan sisihan piawai 0.730. Diikuti oleh item nombor 20 iaitu "ahli dalam kumpulan bekerjasama dengan baik" dengan skor min 3.03. Manakala skor min paling rendah pula adalah item nombor 15, "saya berasa malu untuk bertanya semasa bersama dengan ahli kumpulan saya" dengan skor min 2.23.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Sikap Pelajar Kumpulan Rawatan Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
13. Saya berpeluang bertukar pendapat dalam kalangan ahli kumpulan saya	2.93	0.640	Sederhana
14. Sikap bekerjasama dan bantu-membantu wujud dalam kalangan ahli kumpulan saya	3.13	0.730	Tinggi
15. Saya berasa malu untuk bertanya semasa bersama dengan ahli kumpulan saya	2.23	1.073	Sederhana
16. Saya berpeluang untuk berbincang dan berinteraksi dengan ahli kumpulan saya	2.93	0.583	Sederhana
17. Saya memberi lebih tumpuan di dalam kelas semasa perbincangan bersama rakan-rakan berbanding belajar secara individu	2.77	0.898	Sederhana
18. Saya memberi kerjasama semasa sesi perbincangan bersama ahli kumpulan	2.90	0.607	Sederhana
19. Melalui aktiviti pembelajaran secara berkumpulan, saya kurang memberi gangguan dalam bilik darjah	2.80	0.484	Sederhana
20. Ahli dalam kumpulan bekerjasama dengan baik	3.03	0.809	Tinggi
21. Saya mendapati rakan saya kurang memberi gangguan di dalam bilik darjah apabila perbincangan sedang dilakukan	2.83	0.648	Sederhana
22. Saya berpeluang untuk mengenali lebih mendalam tentang ahli kumpulan saya	3.00	0.455	Tinggi
Purata	2.86	0.433	Sederhana

Secara keseluruhannya, purata skor min 2.86 menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap Prinsip Perakaunan setelah menjalani pembelajaran model STAD berada pada tahap yang sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.4 Minat Pelajar Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD

Dapatan analisis item-item bagi mengukur minat pelajar kumpulan rawatan terhadap Prinsip Perakaunan setelah menggunakan model STAD adalah seperti dalam Jadual 4.12.

Jadual 4.12 menunjukkan lapan item telah digunakan untuk mengukur minat pelajar kumpulan rawatan terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan menggunakan model STAD. Skor min tertinggi mencatatkan nilai sebanyak 3.13 dengan sisihan piawai 0.571 iaitu item nombor 25 “saya lebih berminat dengan subjek Prinsip Perakaunan selepas mendapat markah yang lebih tinggi berbanding sebelumnya”. Diikuti oleh item nombor 29 dan 30 iaitu “saya berasa seronok semasa menyertai pembelajaran bersama kumpulan saya” dan “kaedah belajar secara berkumpulan lebih menyeronokkan” yang memperoleh nilai skor min yang sama iaitu 2.97. Manakala skor min paling rendah pula adalah item nombor 24, “saya lebih suka belajar secara berkumpulan berbanding belajar secara individu” dengan skor min 2.63.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Minat Pelajar Kumpulan Rawatan Terhadap Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD

Item Soalan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
23. Saya berasa lebih berminat untuk belajar Prinsip Perakaunan selepas membuat perbincangan bersama rakan-rakan	2.93	0.740	Sederhana
24. Saya lebih suka belajar secara berkumpulan berbanding dengan belajar secara individu	2.63	0.669	Sederhana
25. Saya lebih berminat dengan subjek Prinsip Perakaunan selepas mendapat markah yang lebih tinggi berbanding sebelumnya	3.13	0.571	Tinggi
26. Saya ingin terus belajar Prinsip Perakaunan dengan kaedah perbincangan secara kumpulan	2.83	0.791	Sederhana
27. Saya mendapati pembelajaran secara berkumpulan amat menarik	2.87	0.776	Sederhana
28. Saya ingin terus belajar dalam kumpulan	2.90	0.923	Sederhana
29. Saya berasa seronok semasa menyertai pembelajaran bersama kumpulan saya	2.97	0.669	Sederhana
30. Kaedah belajar secara berkumpulan lebih menyeronokkan	2.97	0.615	Sederhana
Purata	2.90	0.510	Sederhana

Secara keseluruhannya, purata skor min 2.86 menunjukkan bahawa minat pelajar terhadap Prinsip Perakaunan setelah menjalani pembelajaran model STAD berada pada tahap yang sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Rumusan

Dalam bab ini pengkaji melaporkan dapatan kajian yang diperoleh daripada tiga instrumen seperti ujian pra, ujian pasca dan soal selidik. Analisis deskriptif dan analisis inferensi digunakan oleh pengkaji untuk menjawab persoalan kajian dan menguji hipotesis. Secara keseluruhannya, analisis Ujian-t tidak bersandar menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra. Manakala ujian pasca pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan. Hasil analisis Ujian-t berpasangan pula mendapati terdapat perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan di mana perbezaan skor min adalah lebih tinggi berbanding dengan perbezaan skor min bagi kumpulan kawalan. Seterusnya, persepsi pelajar terhadap pembelajaran dengan menggunakan model STAD dari sudut kefahaman dan motivasi menunjukkan skor min berada pada tahap yang tinggi. Manakala persepsi pelajar dari sudut sikap dan minat pula menunjukkan skor min di tahap yang sederhana. Dapatan kajian dalam bab ini membuktikan bahawa pembelajaran menggunakan model STAD dalam Prinsip Perakaunan dapat meningkatkan pencapaian pelajar dengan lebih signifikan berbanding dengan pembelajaran tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.0 Pendahuluan

Bab ini merangkumi ringkasan kajian di mana pengkaji menerangkan sepintas lalu tentang tujuan kajian dan metodologi kajian yang dijalankan. Kemudian, setiap dapatan kajian akan dibincangkan secara terperinci. Lanjutan daripada kajian ini, implikasi kajian dan cadangan dikemukakan dan diakhiri dengan rumusan keseluruhan sebagai kesimpulan untuk laporan kajian ini. Perbincangan ini tertumpu kepada keberkesanan penggunaan model STAD terhadap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Ringkasan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menguji keberkesanan pembelajaran model STAD terhadap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan. Kajian ini turut meninjau persepsi pelajar dari sudut kefahaman, motivasi, sikap dan minat mereka terhadap Prinsip Perakaunan apabila pembelajaran model STAD diaplikasikan. Keberkesanan pembelajaran model STAD diukur oleh pengkaji dengan mengambil kira perbezaan tahap pencapaian pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Pengkaji turut mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara kaedah pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar dalam ujian pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini melibatkan 60 orang pelajar tingkatan 4 di SMK Bandar Utama Damansara 3, Petaling Jaya. Pelajar ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan adalah pelajar yang menjalani pembelajaran menggunakan model STAD manakala kumpulan kawalan adalah pelajar yang menjalani pembelajaran tradisional. Instrumen kajian yang digunakan adalah ujian pra, ujian pasca dan soal selidik. Ujian pra dan ujian pasca digunakan untuk membuat perbandingan dalam pencapaian pelajar sebelum dan selepas menjalani rawatan. Manakala soal selidik pula digunakan untuk mengenal pasti persepsi pelajar kumpulan rawatan terhadap Prinsip Perakaunan setelah mereka menjalani intervensi atau rawatan. Data-data yang diperoleh daripada instrumen kajian dianalisis menggunakan sistem perisian SPSS versi 23.0. Setelah dianalisis, data-data ini akan dihurai dan dibincangkan. Bahagian 5.2 membincangkan dapatan kajian yang diperoleh bagi menjawab persoalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan dan Perbincangan Dapatan Kajian

5.2.1 Dapatan Kajian Persoalan 1: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pra?

Analisis Ujian-t tidak bersandar menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Skor min ujian pra bagi kedua-dua kumpulan menunjukkan pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan khususnya topik Lejar adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang wujud dari segi pengetahuan dan kemahiran awal antara kedua-dua kumpulan dalam topik Lejar sebelum rawatan dijalankan. Pengetahuan yang setara antara kedua-dua kumpulan adalah penting supaya tidak mempengaruhi dapatan kajian di samping mengelakkan dari timbulnya *bias* dalam kajian. Kajian daripada Diriba dan Lamessa (2017) turut melaporkan dapatan yang sama bagi subjek matematik di mana tiada perbezaan yang signifikan dalam ujian pra bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dapatan ini turut menyokong dapatan kajian Azman, Aziz dan Zahuri (2017) dan kajian Nurulhuda (2014) yang menerangkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam ujian pra disebabkan oleh kedua-dua kumpulan pelajar berada pada tahap kognitif yang sama serta tidak diberi sebarang rawatan atau intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Dapatan Kajian Persoalan 2: Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar dalam Prinsip Perakaunan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pasca?

Analisis Ujian-t tidak bersandar menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pencapaian pelajar dalam ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Skor min ujian pasca bagi kumpulan rawatan menunjukkan pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan khususnya topik Lejar adalah pada tahap baik. Manakala skor min ujian pasca bagi kumpulan kawalan pula adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan terdapat peningkatan yang lebih tinggi dalam pencapaian kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Ia memberi maksud bahawa pendekatan model STAD dalam Prinsip Perakaunan berjaya meningkatkan pencapaian pelajar berbanding dengan pembelajaran tradisional. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Dini (2018), kajian Azman, Aziz dan Zahuri (2017) dan kajian Noraziah (2016) di mana setelah ujian pasca dijalankan, kedua-dua kumpulan menunjukkan peningkatan skor min dalam ujian. Namun begitu, skor min kumpulan rawatan yang menjalani pembelajaran model STAD menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi berbanding dengan skor min kumpulan kawalan yang menjalani pembelajaran tradisional. Ini kerana kedua-dua kumpulan diberikan rawatan yang berbeza (Nurulhuda, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Dapatan Kajian Persoalan 3: Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan?

Analisis Ujian-t berpasangan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan. Sebelum pembelajaran model STAD dijalankan, skor min ujian pra bagi kumpulan rawatan menunjukkan pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan khususnya topik Lejar adalah pada tahap sederhana. Setelah pembelajaran model STAD dijalankan, skor min ujian pasca bagi kumpulan rawatan menunjukkan pencapaian pelajar meningkat ke tahap baik. Peningkatan skor min yang ditunjukkan adalah sebanyak 3.050. Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam ujian pasca setelah pembelajaran model STAD dijalankan ke atas kumpulan rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi dapatan ini, pendekatan model STAD dalam Prinsip Perakaunan terbukti mampu meningkatkan pencapaian pelajar dari tahap sederhana ke tahap baik. Hasil dapatan ini menyokong dapatan kajian Eucharia (2019), kajian Hareesol, Sofian dan Khairi (2018) dan kajian Saifulnizam dan Faridah (2017) di mana terdapat peningkatan yang signifikan dalam ujian pasca kumpulan rawatan selepas mereka menjalani pembelajaran model STAD. Peningkatan pencapaian pelajar dari tahap sederhana ke tahap baik dalam kajian ini selari dengan dapatan daripada Saifulnizam & Faridah (2017) di mana penggunaan model STAD dalam kursus Cost Management Accounting 2 dapat meningkatkan pencapaian pelajar dari tahap sederhana ke tahap cemerlang. Dapatan kajian daripada Aliyu & Ibrahim (2019) turut melaporkan terdapat peningkatan dalam prestasi pelajar sekolah menengah di Kaduna, Nigeria dengan tahap kemampuan yang berbeza. Kajian keberkesanan pembelajaran model STAD ini turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikaji oleh Ishtiaq et al. (2017) yang dijalankan ke atas pelajar EFL (*English as a Foreign Laguage*) di mana terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua ujian bagi kumpulan rawatan. Model STAD berupaya meningkatkan pencapaian pelajar dewasa di Arab Saudi dalam ujian '*200-word vocabulary'*.

5.2.4 Dapatan Kajian Persoalan 4: Adakah Terdapat Perbezaan Pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan?

Analisis Ujian-t berpasangan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Sebelum pembelajaran tradisional dijalankan, skor min ujian pra bagi kumpulan kawalan menunjukkan pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan khususnya topik Lejar adalah pada tahap sederhana. Setelah pembelajaran tradisional dijalankan, skor min ujian pasca bagi kumpulan kawalan menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian pelajar berbanding ujian pra. Namun begitu, peningkatan tersebut adalah tidak signifikan kerana tahap pencapaian pelajar masih kekal pada tahap sederhana. Peningkatan skor min yang ditunjukkan dalam kumpulan kawalan adalah kecil iaitu 0.250 berbanding dengan peningkatan skor min kumpulan rawatan 3.050.

Dapatan ini membuktikan bahawa pembelajaran secara tradisional dalam Prinsip Perakaunan tidak dapat meningkatkan pencapaian pelajar ke tahap yang lebih tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Jaya (2016) di mana dapatan beliau juga menunjukkan pelajar kumpulan kawalan yang menjalani pembelajaran secara tradisional tidak dapat meningkatkan prestasi mereka dengan lebih baik dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matematik berbanding dengan kumpulan rawatan yang menjalani pembelajaran model STAD. Kajian oleh Ali dan Tahereh (2015) turut menyimpulkan bahawa prestasi dalam ujian pasca yang ditunjukkan oleh pelajar dari kumpulan kawalan adalah lemah berbanding dengan kumpulan rawatan.

5.2.5 Dapatan Kajian Persoalan 5: Adakah Terdapat Hubungan antara Kaedah Pembelajaran Model STAD dengan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pasca?

Analisis Korelasi Pearson menunjukkan bahawa wujud hubungan yang positif dan signifikan antara dua pemboleh ubah iaitu rawatan pembelajaran model STAD dan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pasca. Kekuatan korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah adalah kuat (r= 0.745). Kekuatan korelasi ini memberi maksud bahawa sekiranya rawatan atau intervensi dijalankan (pembelajaran model STAD), secara tidak langsung tahap pencapaian pelajar dalam ujian turut meningkat dan sebaliknya. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Nurulhuda (2014) di mana kajian beliau juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pembelajaran model STAD dengan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.6 Dapatan Kajian Persoalan 6: Apakah Persepsi Pelajar terhadap Pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan Menggunakan Model STAD?

Analisis deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian keenam iaitu tentang persepsi pelajar terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan setelah menjalani pembelajaran model STAD. Persepsi pelajar dari sudut kefahaman, motivasi, sikap dan minat pelajar diukur dengan mengenal pasti nilai skor min yang diinterpretasikan mengikut tahap penilaian seperti tahap rendah, sederhana atau tinggi. Penilaian persepsi pelajar telah diukur menggunakan soal selidik di mana sebanyak 30 orang pelajar kumpulan rawatan telah terlibat selepas mereka menjalani pembelajaran model STAD bagi topik Lejar. Item-item yang dibina bertujuan untuk mengenal pasti tahap penilaian sebenar persepsi mereka terhadap pembelajaran Prinsip Perakaunan dengan mengggunakan model STAD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persepsi pelajar dari sudut kefahaman terhadap Prinsip Perakaunan setelah mengikuti pembelajaran model STAD menunjukkan nilai skor min adalah pada tahap yang tinggi. Skor min yang mencatat nilai tertinggi adalah item nombor lima iaitu “saya berupaya menyelesaikan soalan tugasan melalui kerjasama berkumpulan”. Ini menerangkan bahawa mereka berupaya menyelesaikan soalan ujian kerana mereka dapat berbincang bersama ahli kumpulan. Dapatan ini menyokong kajian Zainun et al. (2013) di mana 90.5% pelajar mempunyai persepsi positif selepas menjalani pembelajaran model STAD seperti “boleh berbincang dan berkongsi pendapat dengan rakan”. Dapatan ini juga selari dengan kajian Saifulnizam dan Faridah (2017) di mana hasil analisis temu bual pelajar mendapati sebanyak 76% pelajar sangat setuju bahawa pembelajaran model STAD membantu mereka memahami isi pelajaran bagi topik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

varians dalam kursus *Cost Management Accounting 2*. Dua daripada sepuluh pelajar yang ditemu bual menyatakan mereka terdorong untuk lebih fokus disebabkan ganjaran yang diterima daripada guru. Menurut Wong (2017), pembelajaran model STAD menunjukkan strategi pedagogi yang aktif dalam meningkatkan kefahaman pelajar.

Persepsi pelajar dari sudut motivasi terhadap Prinsip Perakaunan setelah mengikuti pembelajaran model STAD juga menunjukkan nilai skor min adalah pada tahap yang tinggi. Item nombor 11 mencatat skor min tertinggi iaitu "saya mempelajari banyak perkara semasa perbincangan". Ini menerangkan bahawa perbincangan sesama ahli kumpulan dapat membantu pelajar dalam pembelajaran seterusnya membuat pelajar lebih bermotivasi. Dapatan ini menyokong kajian Diriba dan Lamessa (2017) di mana melalui dapatan soal selidik, pembelajaran model STAD dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih baik serta dapat membantu pelajar untuk belajar dengan lebih mudah, berkesan dan bermakna. Melalui pemerhatian di dalam bilik darjah pula, akauntabiliti individu, interaksi secara berhadapan dan kemahiran sosial pelajar dalam kumpulan turut mendedahkan tahap motivasi yang tinggi oleh kebanyakan pelajar. Pelajar didapati lebih fokus dan bermotivasi kerana peranan mereka dalam kumpulan telah diiktiraf oleh rakan sebaya (Jamaludin & Mokhtar, 2018). Tanggapan atau persepsi positif pelajar turut dinyatakan dalam kajian Kriswintari, Yuanita dan Widodo (2018) di mana dapatan menunjukkan bahawa pelajar bersemangat dan bermotivasi dalam pembelajaran kimia setelah mengikuti proses pembelajaran berasaskan model STAD. Walau bagaimanapun, dapatan daripada Jaya (2016) menyatakan penggunaan model STAD dalam pembelajaran tidak memberi kesan yang besar terhadap motivasi pelajar yang berpencapaian sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi persepsi pelajar dari sudut sikap terhadap Prinsip Perakaunan setelah mengikuti pembelajaran model STAD pula menunjukkan nilai skor min adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini selari dengan dapatan Azwani, Zahara, Sharifah dan Razaq (2012) yang turut melaporkan dalam kajian mereka bahawa min kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi sikap terhadap mata pelajaran sejarah berada di tahap sederhana selepas pembelajaran STAD dijalankan. Namun begitu, pengkaji mendapati skor min paling tinggi yang diperoleh bagi aspek sikap adalah item 14 iaitu "sikap bekerjasama dan bantu-membantu wujud dalam kalangan ahli kumpulan saya" yang mencatat nilai 3.13 di mana interpretasi skor min berada di tahap tinggi. Hal ini kerana pelajar perlu bekerjasama dalam memastikan semua ahli kumpulan mereka dapat memahami isi pembelajaran sebelum mereka diuji secara individu. Sikap kerjasama ini menjurus kepada tanggungjawab setiap ahli kumpulan dalam memastikan prestasi kumpulan mereka dapat ditingkatkan seterusnya memperoleh ganjaran. Dapatan ini menyokong kajian Kriswintari, Yuanita dan Widodo (2018) di mana berdasarkan rajah 'Skor Purata Tingkah Laku Sosial Pelajar', didapati bahawa tingkah laku sosial yang paling ketara diamalkan oleh pelajar semasa sesi pembelajaran adalah sikap "bertanggungjawab". Ini kerana pelajar perlu bekerjasama dalam pasukan untuk memahami pembelajaran seterusnya melakukan yang lebih baik dalam kuiz (Ferina, 2015).

Skor min paling rendah bagi aspek sikap adalah item 15 iaitu "saya berasa malu untuk bertanya semasa bersama dengan ahli kumpulan saya" yang mencatat nilai 2.23 di mana interpretasi skor min berada di tahap sederhana. Ini menunjukkan terdapat pelajar yang mempunyai perasaan malu untuk bertanya apabila berada di dalam kumpulan. Dapatan ini menyokong oleh kajian Nengah & Dewa (2018) bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat pelajar yang keliru dan malu untuk berkongsi idea mereka dengan kumpulan semasa perbincangan dijalankan. Hal ini kerana berdasarkan pemerhatian yang dibuat, respon pelajar pada perjumpaan kali pertama adalah kurang kerana kebanyakan pelajar masih malu dan janggal dengan kaedah baharu yang diperkenalkan kepada mereka (St. Nurjannah & Daharia, 2016).

Selain dari aspek sikap, pelajar turut menunjukkan minat dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan setelah model STAD diperkenalkan. Namun begitu persepsi pelajar dari sudut minat menunjukkan nilai skor min adalah pada tahap sederhana. Walaupun begitu, item "saya lebih berminat dengan subjek Prinsip Perakaunan selepas mendapat markah yang lebih tinggi berbanding sebelumnya" mencatat skor min tertinggi dengan nilai 3.13 di mana interpretasi skor min tersebut berada di tahap tinggi. Dapatan ini menyokong kajian Saifulnizam dan Faridah (2017) dan Wong (2017) di mana dapatan melalui soal selidik dan temubual mereka mendapati bahawa pelajar mempamerkan kecenderungan serta minat terhadap pembelajaran selepas model STAD diperkenalkan. Selain itu, analisis daripada kajian Zainun et al. (2013) menunjukkan 92.8% iaitu hampir keseluruhan pelajar kumpulan rawatan telah meningkat minat mereka terhadap pembelajaran matematik setelah didedahkan dengan penggunaan model STAD dalam pembelajaran. Item seperti "saya suka belajar matematik kaedah STAD" dan "kaedah STAD telah menambahkan minat saya" menunjukkan peratusan yang tinggi.

Skor min yang terendah bagi aspek minat adalah item 24 iaitu "saya lebih suka belajar secara berkumpulan berbanding belajar secara individu" yang mencatat nilai 2.63 di mana interpretasi skor min menunjukkan bahawa nilai tersebut adalah di tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan pelajar suka belajar secara kumpulan tetapi skor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

min yang ditunjukkan masih di tahap sederhana. Ini dijelaskan oleh kajian Nengah & Dewa (2018) di mana pelajar yang berpencapaian rendah dalam ujian pasca dilihat tidak begitu aktif serta tidak menunjukkan minat dalam perbincangan kumpulan.

Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap pembelajaran dengan menggunakan model STAD dari sudut kefahaman dan motivasi menunjukkan skor min berada pada tahap yang tinggi manakala persepsi pelajar dari sudut sikap dan minat pula berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, masih terdapat item dalam sikap dan minat pelajar yang menunjukkan kaedah STAD mampu meningkatkan minat dan menghasilkan sikap yang positif dalam kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi sesuatu yang bermakna kepada pihak-pihak tertentu seperti pelajar, guru mahupun pentadbir sekolah. Pelbagai strategi atau kaedah pengajaran yang boleh dipraktikkan selari dengan pembelajaran abad ke-21. Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) turut merealisasikan hasrat menerusi KSSM iaitu ingin melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21. Antara ciri pembelajaran abad ke-21 yang ditekankan dalam kajian ini adalah aspek kerja sepasukan di mana aspek ini turut dinyatakan dalam matlamat DSKP Prinsip Perakaunan. Justeru pembelajaran aktif yang memerlukan penglibatan pelajar seperti model STAD adalah salah satu kaedah pembelajaran yang dapat menjadi penyumbang utama dalam melahirkan pelajar yang menepati ciri-ciri pembelajaran abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi daripada kajian ini adalah ia memberi sumbangan kepada pencapaian bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Pendekatan model STAD mahupun pendekatan dalam pembelajaran aktif yang lain dapat membantu pelajar dalam topik yang memerlukan pemahaman konsep yang tinggi dan lebih sukar seperti topik Penyediaan Penyata Kewangan dan Pelarasan. Guru boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menggunakan pendekatan pembelajaran aktif terhadap topik-topik dalam Prinsip Perakaunan yang lain. Usaha ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah yang wujud dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan bersama dengan ahli-ahli kumpulan mereka. Justeru, implikasi ini memudahkan pelajar untuk memahami konsep dan format Prinsip Perakaunan dengan lebih baik serta dapat menghubung kait mata pelajaran ini dengan kehidupan sebenar.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Melalui kajian ini penggunaan model STAD dalam Prinsip Perakaunan dapat dilihat dalam konteks memenuhi matlamat dalam DSKP Prinsip Perakaunan di mana kurikulum yang direka bentuk dalam mata pelajaran ini adalah bertujuan untuk menyediakan dan melahirkan pelajar ke arah ciri-ciri keusahawanan seperti memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam aspek perakaunan. Justeru penting bagi pelajar untuk menerapkan ciri-ciri yang bertepatan seperti pencapaian akademik, kemahiran interpersonal dan interaksi sosial supaya kemenjadian murid dapat dicapai.

Dapatan daripada kajian ini telah memberi gambaran sebenar tentang pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan setelah menjalani pembelajaran model STAD. Peningkatan pencapaian pelajar selepas menjalani rawatan telah membuktikan bahawa strategi ini mampu meningkatkan pencapaian pelajar daripada tahap sederhana ke tahap yang baik. Sebagai seorang pelajar, mereka perlu melibatkan diri dalam setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah pengajaran baharu yang guru terapkan. Ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk belajar dengan kaedah pembelajaran yang lebih efektif daripada pembelajaran sedia ada sekaligus menarik minat pelajar terhadap Prinsip Perakaunan.

Selain itu, dapatan kajian mengenai persepsi pelajar juga menunjukkan tahap kefahaman dan motivasi pelajar terhadap Prinsip Perakaunan setelah mengikuti pembelajaran model STAD berada di tahap yang tinggi. Ini membuktikan bahawa selain daripada meningkatkan pencapaian, strategi ini juga dapat meningkatkan tahap kefahaman dan motivasi pelajar terhadap subjek Prinsip Perakaunan. Ia penting bagi memastikan pelajar mengetahui dan memahami asas perakaunan ketika berada di tingkatan 4 sebagai persediaan sebelum mereka menghadapi peperiksaan SPM pada tahun berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu persepsi pelajar dari sudut sikap dan minat terhadap Prinsip Perakaunan menunjukkan pelajar berada di tahap sederhana. Pihak berkenaan terutama guru boleh mempelbagaikan pembelajaran aktif selain daripada penggunaan model STAD untuk menarik minat pelajar serta menanam sikap positif pelajar terhadap Prinsip Perakaunan. Ini kerana menerusi pembelajaran aktif, ahli kumpulan saling membantu dalam meningkatkan pencapaian ahli kumpulan, memberi pengiktirafan kepada setiap ahli dan berkelakuan positif terhadap pembelajaran (Ahmad, 2013). Selain daripada interaksi sesama pelajar, mereka turut memperoleh kemahiran interpersonal yang menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang baik. Justeru bagi memastikan objektif dalam pembelajaran aktif tercapai, guru perlu memainkan peranan penting sebagai pemudah cara atau fasilitator. Guru juga haruslah peka dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan pembelajaran yang disampaikan adalah berkesan tambahan pula Prinsip Perakaunan memerlukan kefahaman konsep dan format yang tinggi seperti Penyediaan Penyata Kewangan dan Pelarasan. Ini penting untuk menarik minat pelajar sekaligus tidak membuat pelajar berasa jemu.

Dalam pada itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang sesuatu yang bermakna kepada guru-guru, para pentadbir mahupun pihak KPM dalam merangka strategi yang terbaik dalam sistem pendidikan negara kita. Kajian ini bukan sahaja cenderung untuk menerapkan aktiviti pembelajaran aktif dalam kurikulum Prinsip Perakaunan sahaja bahkan ia boleh diluaskan lagi ke mata pelajaran yang lain. Hal ini kerana bukan sahaja ia mampu meningkatkan pencapaian pelajar malah dapat mempengaruhi kefahaman dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Cadangan

Pembelajaran aktif adalah salah satu kaedah pembelajaran yang menarik untuk dikaji dengan lebih mendalam bagi mengetahui keberkesanan kaedah ini. Ini kerana pendidikan negara kita sedang menerapkan pembelajaran abad ke-21 di mana pembelajaran secara aktif adalah ditekankan. Selain daripada pembelajaran model STAD yang dibincangkan, banyak pembelajaran aktif lain yang boleh dikaji keberkesanannya. Beberapa cadangan hasil daripada kajian ini dikemukakan supaya pengkaji lain dapat menjalankan kajian yang berkaitan dengan lebih baik lagi. Walaupun banyak kajian dari dalam dan luar negara telah dijalankan mengenai keberkesanan pelaksanaan model STAD dalam pembelajaran namun kajian mengenai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keberkesanan terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan masih lagi kurang. Justeru pengkaji mengemukakan beberapa cadangan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pembelajaran model STAD dalam Prinsip Perakaunan. Cadangan ini melibatkan beberapa pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, pentadbir sekolah dan para guru sendiri.

5.4.1 Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memastikan amalan pembelajaran aktif ini terus diamalkan oleh guru-guru khususnya guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Pengkaji mencadangkan agar pihak KPM menyediakan modul pembelajaran aktif dalam kurikulum supaya dapat membantu guru untuk melaksanakan pembelajaran aktif di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Pihak KPM perlu bekerjasama dengan penggubal dasar kurikulum untuk menambahbaik kurikulum sedia ada seperti menghasilkan satu garis panduan tentang pembelajaran model STAD dalam bentuk modul untuk menjadi rujukan para guru. Selain itu, kurikulum yang digubal juga boleh ditambahbaik dengan menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan dalam bilik darjah yang bertepatan dengan pembelajaran aktif. Bagi menjamin kelancaran penggunaan model STAD sebagai salah satu strategi dalam pembelajaran aktif juga, pihak KPM perlu memberi peruntukan secukupnya iaitu dengan mengadakan pelbagai kursus di peringkat negeri mahupun daerah kepada guru-guru agar mereka dapat melaksanakan strategi pembelajaran aktif dengan lebih efektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Umum mengetahui bahawa institusi pendidikan guru dan universiti awam yang menawarkan program pendidikan bertanggungjawab dalam melahirkan bakal guru yang menepati keperluan pendidikan masa kini. Sehubungan dengan itu, pihak-pihak tertentu hendaklah mengambil cakna dengan keperluan pendidikan dari semasa ke samasa. Pihak tertentu seperti pengurusan universiti dan pensyarah sendiri perlu memainkan peranan dengan memberi pendedahan mengenai amalan pembelajaran aktif kepada bakal guru secara formal melalui kursus dalam pedagogi. Amalan pembelajaran aktif ini perlu dipraktikkan oleh bakal guru supaya dapat mendedahkan mereka dengan pelbagai kaedah pengajaran selain dapat mempersiapkan diri untuk menjalani latihan mengajar di sekolah kelak.

5.4.2 Cadangan Kepada Pihak Pentadbir Sekolah

Pihak pentadbir sekolah juga perlu memberikan pendedahan berterusan kepada guru-guru tentang kepentingan pelaksanaan pembelajaran aktif kepada pelajar. Ini boleh dilakukan dengan menggunakan pendekatan *mentor mentee* bagi proses pelaksanaan pembelajaran aktif khususnya pendedahan tentang strategi bagaimana pembelajaran model STAD dilaksanakan ke atas pelajar. *Mentor* adalah pentadbir sekolah di mana mereka akan memastikan *mentee* iaitu para guru diberi pendedahan tentang strategi pembelajaran model STAD.

Selain itu, pihak pentadbir hendaklah membuat pemantauan terhadap kaedah pengajaran di dalam kelas dengan memastikan guru-guru mengaplikasikan strategi pembelajaran model STAD ini sebagai salah satu kaedah pengajaran mereka. Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini menunjukkan kaedah pembelajaran model STAD mampu meningkatkan pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan yang secara tidak langsung dapat menaikkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Prinsip Perakaunan sekaligus menyumbang kepada Gred Purata Sekolah (GPS).

Persekitaran pembelajaran yang kondusif juga perlu dititikberatkan. Pihak pentadbir harus peka dengan kepelbagaian persekitaran pembelajaran seperti saiz kelas yang sesuai dengan bilangan pelajar serta peralatan di dalam bilik darjah yang lengkap dengan kemudahan seperti layar putih, penyediaan bahan bacaan dan bahan rujukan dan sebagainya. Ini penting untuk memastikan pengajaran dapat disampaikan dengan lebih berkesan di samping dapat menjamin keselesaan pelajar sepanjang pembelajaran di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji turut mencadangkan supaya pihak sekolah memberi penghargaan kepada guru-guru yang sentiasa berusaha untuk mengaplikasikan mana-mana strategi pembelajaran aktif terhadap pelajar di samping model STAD sendiri. Ini dapat meningkatkan lagi motivasi seseorang guru itu untuk meningkatkan mutu dan kualiti pengajaran di dalam bilik darjah.

5.4.3 Cadangan Kepada Guru

Melalui pembelajaran aktif, guru yang akan bertindak dengan memberi arahan dan berperanan sebagai pemudah cara atau fasilitator sahaja. Pelajar sendiri yang akan bertindak mengikut aktiviti yang telah dirancang oleh guru. Oleh yang demikian, guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hendaklah memainkan peranan dengan memastikan objektif pembelajaran aktif tercapai. Guru-guru juga seharusnya sedar tentang kepentingan untuk mevariasikan pelbagai kaedah pengajaran supaya pelajar tidak mudah bosan di samping dapat menarik minat mereka dengan lebih mendalam dalam sesuatu pembelajaran. Oleh yang demikian, guru perlu bertindak dengan merancang lebih banyak strategi pembelajaran aktif selain daripada strategi pembelajaran model STAD kerana guru merupakan agen perubahan dalam bilik darjah.

Selain daripada menghadiri kursus yang ditetapkan oleh pihak sekolah, guru juga disarankan untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana. Ini kerana guru dapat didedahkan dengan hasil-hasil kajian yang berkaitan dengan keberkesanan strategi pembelajaran aktif di mana banyak kajian telah dijalankan oleh para sarjana di dalam dan di luar negara. Secara tidak langsung guru memperoleh ilmu semasa menjalankan kajian dan dapat mengaplikasikan hasil dapatan kajian di sekolah masing-masing. Saranan untuk para guru miliki sarjana juga turut disuarakan oleh Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik di mana kerajaan meletakkan sasaran supaya majoriti guru di Malaysia memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana menjelang 2030 (Berita Harian, 2018).

5.4.4 Cadangan Melaksanakan Pembelajaran Model STAD dengan Berkesan

Hasil daripada pemerhatian pengkaji semasa melaksanakan strategi pembelajaran model STAD ke atas pelajar kumpulan rawatan mendapati bahawa masa yang diperuntukkan iaitu satu jam adalah tidak mencukupi. Hal ini kerana terdapat segelintir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar yang keliru dan tidak memahami langkah pengajaran menggunakan model STAD. Justeru pengkaji mencadangkan agar masa pembelajaran perlu dipanjangkan sedikit supaya pelajar dapat memahami strategi pembelajaran yang hendak disampaikan oleh guru. Dalam hal ini, penyusunan jadual waktu perlu digubal sesama guru yang lain. Seseorang guru itu juga perlu membuat perancangan rapi seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH) supaya masa yang diperuntukkan dapat memenuhi objektif yang disasarkan.

Selain itu, guru juga perlu peka terhadap kriteria pelajar seperti demografi dan prestasi akademik mereka dalam membentuk sesuatu pasukan pelajar agar mereka dapat saling membantu seterusnya memperoleh pencapaian yang terbaik. Pelajar yang berciri heterogen perlu dalam pembentukan sesuatu kumpulan. Menurut Cohen & Lotan (1997), kumpulan pelajar yang heterogen dalam pembelajaran secara kumpulan adalah penting dalam membentuk kepelbagaian intelektual di mana pelajar akan didedahkan untuk menyelesaikan sesuatu isu dengan pelbagai alternatif, menyampaikan idea dengan lebih berkesan, memberi justifikasi terhadap hujah mereka, dan mengkaji isu-isu dari perspektif yang berbeza.

Kebolehan guru dalam menguruskan ruang bilik darjah yang terhad juga diperlukan untuk mewujudkan kecekapan pengurusan bilik darjah. Antaranya adalah penyediaan sudut bahan bacaan dan bahan rujukan di dalam bilik darjah bagi kegunaan pelajar dan guru. Ini akan memberikan kesan kepada keadaan dan suasana bilik darjah terutama jika melibatkan strategi pembelajaran aktif. Ia penting untuk membantu meningkatkan minat dan motivasi pelajar sepanjang proses pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, bagi memastikan keberkesanan pengajaran yang menyeluruh, guru perlu didedahkan atau diberi kursus terlebih dahulu tentang konsep dan modul berkaitan dengan strategi pembelajaran aktif khususnya model STAD sebelum memulakan pengajaran di dalam bilik darjah.

5.4.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini terbatas kepada dua kumpulan pelajar tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah di Selangor dan pencapaian pelajar hanya diukur dalam satu topik tingkatan 4 sahaja iaitu bab 5, Lejar. Oleh itu, penyelidikan ini sememangnya tidak mencukupi bagi mengulas lebih lanjut tentang keberkesanan model STAD dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan. Justeru itu, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan bagi penyelidikan seterusnya yang boleh dijalankan dari semasa ke semasa. Antara kajian lanjutan yang dicadangkan adalah:

i. Pengkaji boleh menambah instrumen kajian seperti temubual dengan pelajar kumpulan rawatan selepas mereka menjalani pembelajaran model STAD. Pengkaji dapat mengetahui respon dan maklum balas dengan lebih tepat. Ini dapat meningkatkan lagi kebolehpercayaan hasil dapatan kajian.
ii. Pengkaji juga boleh menyediakan ruangan soalan terbuka dalam soal selidik agar membolehkan responden menulis sebarang cadangan penambahbaikan atau pandangan mereka terhadap pelaksanaan pembelajaran model STAD dalam Prinsip Perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Kajian diluaskan lagi dengan melibatkan sampel yang lebih besar seperti melibatkan lebih banyak sekolah pada masa hadapan. Justifikasinya, pengkaji dapat membuat perbandingan antara pencapaian pelajar di bandar dan di luar bandar dalam Prinsip Perakaunan. Selain itu, pengkaji juga boleh membuat perbandingan pencapaian antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam Prinsip Perakaunan. Ini dapat memberi gambaran yang lebih meluas tentang pencapaian pelajar.

iv. Kajian selanjutnya turut dicadangkan oleh pengkaji untuk menggunakan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif supaya dapat mengulas maklumat dan masalah pelajar dengan lebih terperinci

v. Kajian dilakukan dengan mengkaji keberkesanan pembelajaran aktif yang lain seperti *think-pair-share*, kajian kes, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berbantukan komputer. Ini bertujuan untuk mengesan sama ada kaedah pembelajaran yang lain turut memberi kesan positif bagi Prinsip Perakaunan.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang diperoleh dapat memberi implikasi yang baik terhadap perkembangan pendidikan masa kini. Ini kerana hasil dapatan menunjukkan model STAD adalah kaedah pembelajaran aktif yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan. Model STAD menekankan aspek penglibatan pelajar secara aktif selari dengan kehendak pendidikan masa kini iaitu melahirkan pelajar yang berkemahiran abad ke-21. Justeru itu, strategi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran aktif seperti model STAD adalah penting bagi memudahkan pembelajaran, meningkatkan kefahaman pelajar serta menggalakkan interaksi dalam kalangan pelajar. Kaedah pembelajaran model STAD bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar malah ia mampu meningkatkan prestasi keseluruhan di sesebuah institusi pendidikan. Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak tertentu terutamanya para guru dalam merancang strategi pengajaran yang berkesan. Akhir sekali, pihak-pihak tertentu seperti KPM, pentadbir sekolah mahupun guru-guru, haruslah memainkan peranan agar pencapaian pelajar dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih memberangsangkan.

5.6 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini menerangkan dengan lebih lanjut tentang hasil dapatan daripada bab sebelumnya. Perbincangan hasil analisis tertumpu kepada keberkesanan penggunaan model STAD terhadap pencapaian pelajar dalam Prinsip Perakaunan. Keberkesanan diukur dari segi perbezaan pencapaian ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan rawatan, perbezaan pencapaian dalam ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan serta persepsi pelajar kumpulan rawatan mengenai strategi ini dalam pembelajaran mereka. Seterusnya pengkaji mengemukakan implikasi kajian dan cadangan kajian hasil daripada perbincangan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Halim Tamuri & Siti Muhibah Nor (2015). Prinsip pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Bil 3 (2).* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Razak Idris & Hairul Anas Zakaria (2010). *Tingkahlaku matlamat di kalangan pelajar sarjana muda pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad, A. M. (2013). *Faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar lepasan diploma politeknik dan matrikulasi terhadap subjek kejuruteraan.* Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Ahmad bin Esa & Umi Kalthom Binti Mahbib (2014). Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 Pembelajaran Koperatif Di Malaysia: Pembangunan Profesional Dalam Meningkatkan Pendidikan Sekolah Rendah. (INSAN2014) Batu Pahat.

Akmaliza Abdullah (2016). Pembelajaran aktif. Retrieved November 20, 2018 from http://islamic.utm.my/akmaliza/2016/09/27/pembelajaran-aktif/

Ali Akbar Khansir & Tahereh Alipour (2015). The Impact of Students Team Achievement Divisions (STAD) on Iranian EFL Learners' Listening Comprehension. ISSN 1799-2591. Theory and Practice in Language Studies, Vol. 5, No. 8, pp. 1710-1715.

Aliyu Suleiman Aliyu & Ibrahim Buhari (2019). Effect Of STAD Strategy On Students' Performance In 3-D Shapes Among Secondary School Students With Varied Ability Level In Kaduna State, Nigeria. *Journal of Library, Science Education and Learning Technology (JOLSELT).* Volume 1 Number 1 June 2019. Al-Hikmah University, Ilorin, Nigeria.

Aryani, D. (2016). The Use of Cooperative Learning Stad to Improve Speaking Skills of Accounting Program Students Grade Xi in SMK N 1 Depok in the Academic Year of 2013/2014. Universitas Negeri Yogyakarta Thesis. [Paper reference 1]

Azizi Yahaya, Dk Zainab Pg Haji Tuah, Baharudin Arus & Ismail Ibrahim (2016). *Menguasai SPSS Dengan Mudah*. Brunei: UNISSA Press.

Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli & Intan Sapinas Bahuri (2011). Tinjauan amalan pembelajaran koperatif dalam kalangan pelajar tingkatan dua Maktab Rendah Sains Mara. *Jurnal Penerbitan UTM*. Universiti Teknologi Malaysia.

Azman Ab. Rahim, Abdul Aziz Zalay & Mohd. Zahuri Khairani (2017). Kaedah pembelajaran koperatif model STAD meningkatkan pencapaian pelajar dalam penghasilan catan cat air. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. Vol. 5 (2017) / (68-75).

Azwani Ismail, Zahara Aziz, Sharifah Nor Puteh & Abdul Razaq Ahmad (2012). *Kesan Model STAD Terhadap Sikap dan Kemahiran Berkomunikasi Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015). Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 4 dan 5. Retrieved September 27, 2018 from http://apps2.moe.gov.my/kurikulum/v2/index.php

Bandyopadhyay Dwiptendra & Vichian Puncreobutr (2016). Cooperative Learning by Students Teams-Achievement Divisions Method (STAD) in Statistic Learning of St. Theresa International College's Students in Nakhorn Nayok Province, Thailand.

Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod (2017). Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Dan Motivasi Murid Sekolah Menengah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 1 (Mei 2017): 11-23. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berita Harian Online (2018). Sasar majoriti guru miliki sarjana menjelang 2030. Retrieved Disember 3, 2019 from https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/505976/sasar-majoriti-guru-miliki-sarjana-menjelang-2030

Bernaus M, Gardner RC 2008. Teacher motivation strategies, student perceptions, student motivation,and English achievement. *The Modern Language Journal*, 92: 387-401

Campbell, D. T., & Stanley, J. G. (1996). *Experimental and quasi experimental design for research*. Chicago: Rand Mc Nally College Publishing Company.

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah statistik penyelidikan. Buku satu: Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.

Cohen, E. G., & Lotan, R. A. (1997). Working for Equity in Heterogeneous Classrooms: Sociological Theory in Practice. Sociology of Education Series. Teachers College Press, 1234 Amsterdam Avenue, New York, NY 10027 (paperback: ISBN-0-8077-3643-0; clothbound: ISBN-0-8077-3644-9).

Cook T.D. & Campbell D.T. (1979). *Quasi experimentation design and analysis issuesfor field setting*, Boston, Houghton Mifflin.

D Kriswintari, L Yuanita & W Widodo (2018). Fostering Students' Thinking Skill and Social Attitude through STAD Cooperative Learning Technique on Tenth Grade Students of Chemistry Class. *Journal of Physics*: Conference Series. Surabaya, Indonesia. IOP Publishing.

Dale, E. (1969). Audio-Visual Methods in Teaching (3rd Edition). Holt, Rinehart, and Winston. Retrieved October 23, 2018 from http://www.publichealth.uiowa.edu/icphp/ed_training/ttt/archive/2002/2002_course_materials/Cone_of_Learning.pdf

Dini Deswarni (2018). The Effect of Using STAD Strategy Toward Students' Reading Comprehension. Al-Ishlah: *Jurnal Pendidikan* – ISSN: 2087-9490 (p); 2597-940X (o). Vol. 10, No. 1, ms. 116-130.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Diriba Gemechu & Lamessa Abebe (2017). The Effect of Cooperative Learning on Academic Achievement of Grade Nine Students in Mathematics: The Case of Mettu Secondary and Preparatory School. *World Academy of Science, Engineering and Technology International Journal of Educational and Pedagogical Sciences*. Vol:11, No:3, 725-731.

Emmanuel E. Achor & Musa Habu Wude (2014). Looking for a More Facilitative Cooperative Learning Strategy for Biology: Students' Team Achievement Divisions or Jigsaw? *British Journal of Education,* Society & Behavioural Science. 4(12): 1664-1675.

Eucharia Okwudilichukwu Ugwu. (2019). Effect of Student Teams-Achievement Divisions and Think–Pair–Share on Students' Interest in Reading Comprehension. *Journal of Educational Research and Practice*. Volume 9, Issue 1, Pages 316–330.

Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan Dan Analisis Data SPSS*. Sintok. UUM Press.

Ferina, F. (2015). STAD as a Strategy of Teaching Reading Comprehension in Junior High School. *Journal of English Education and Linguistics Studies*, 2, 29-43.

Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2008). *How to design and evaluate research in education (7th ed.).* Avenue of the Americas, NY: McGraw-Hill Higher Education.

Hareesol Khun Inkeeree, Mohd Sofian Omar Fauzee & Mohamad Khairi Othman. (2018). The effects of student achievement team-division (STAD) on achievement and retention in mathematics of Thai students. *European Journal of Education Studies*.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Hasifah Abdul Aziz (2011). *Keberkesanan pembelajaran menggunakan forum dalam sistem e-learning: Kajian kes pelajar tahun 4SPI*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Hafiza Md Nasir (2012). *Keberkesanan pembelajaran aktif terhadap pencapaian pelajar perempuan dalam Biologi. Projek Sarjana*. Universiti Tun Hussein Onn.

Jamaludin, M., & Mokhtar, M. F. (2018). Students Team Achievement Division. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8, 570-577. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i2/3966 [Paper reference 2]

Jasmi, K. A. (2013). Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam, Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) on 24-25 September 2013.

Jaya Mala Kupusamy (2016). *Keberkesanan Pembelajaran Kooperatif Model STAD Terhadap Pencapaian Tajuk Pepejal Geometri dan Motivasi Murid Berpencapaian Sederhana*. Projek Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Johnson, David W., & Johnson, R. T. (1989). *Cooperation and Competition. Theory and Research*. Edina, MN: Interaction Book Company.

Justina T. Lantajo & Roderick L. Tipolo (2019). Student-Team Achievement Division (STAD) and Its Effect on the Academic Performance of Grade 8 Students. *Journal of Physics: Conference Series*. Leyte Normal University, Department of Education.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Karaçöp, A. (2016). Effects of student teams-achievement divisions cooperative learning with models on students' understanding of electrochemical cells. International Education Studies, 9(11), 104-120.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSM Sekolah Menengah: Prinsip Perakaunan. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Panduan Pengurusan Peperiksaan. Kuala Lumpur: Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Khairul Azhar Mat Daud, Nik Zulkarnaen Khidzir & Hasyamuddin Othman (2015). Instrumen kesediaan pembelajaran terarah kendiri. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 3 (1). pp. 77-110.

Kim, D. R.(2018). A Study on the Influence of Korean Middle School Students' Relationship through Science Class Applying STAD Cooperative Learning. *Journal of Technology and Science Education*. Republic of Korea. Daegu National University of Education.

Kline, T. (2005). *Psychological Testing: A practical approach to design & evaluation*. California: Sage Publication.

Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013). Peperiksan dan Pentaksiran. Dicapai pada April 13, 2019, daripada https://www.bumigemilang.com/analisis-keputusan-mata-pelajaran-spm/

Mackeachie,W.J. & Svinicki, M. (2006). *Mackeachie's Teaching Tips. Houghton Mifflin* Company Boston New York, USA.

Maelasari, E., & Wahyudin, M.T. (2017). Effects of Cooperative Learning STAD on Mathematical Communication Ability of Elementary School Student. International Conference on Mathematics and Science Education. Conf. Series 895, 1-6.

Mas Andri Marbun & Mara Bangun Harahap (2014). The Effect of Cooperative Learning Model Type of Student Teams Achievement Divisions (STAD) Based on Mind Mapping on Learning Outcomes of Students in the Dynamic Electrics Subject Matter in Class X Even Semester SMA N 1 Perbaungan A.Y. 2012/2013. Vol. 2 No. 1, ms. 76-82.

Mertler, C. M., & Craig, A. (2008). *Introduction to Educational research*. Boston: Allyn & Bacon.

Mohamad Azmi Nias Ahmad, Nik Zam Nik Wan & Syed Iskandar Zulkarnain Sayd Idris (2010). Pandangan pelajar terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan di daerah Maran, Pahang. Conference Paper.

Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis & Mohd Aderi Che Noh (2018). Keberkesanan Pengajaran Kurikulum Akidah Dalam Pendidikan Islam Berasaskan Kemahiran Berfikir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analitikal Di Sekolah Menengah. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* Volume 2(1). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman, Zamri Arifin (2014). *Hubungan Antara Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab Dengan Kualiti Diri Guru Bahasa Arab.* Mrsm Ulul Albab, Kota Putera.

Mohammad Imran Ahmad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf dan Mohammad Najib Jaffar (2019). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Model Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di Selangor. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 1(1), 48-63.

Mohd. Najib Abdul Ghaffar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Siti Nor Fazira Jono (2019). Transformasi Strategi Kualiti Dan Penjenamaan Penerbitan: Satu Kajian Terhadap Buku Fixi. *E-Academia Journal*, 8(1).

Monchai Tiantong & Sanit Teemuangsai. (2013). Student Team Achievement Divisions (STAD) Technique through the Moodle to Enhance Learning Achievement. International Education Studies. Vol. 6(4).

Muhammad Ishtiaq, Zuraina Ali & Muhammad Salem (2017). An Experimental Study of the Effect of Student Teams Achievement Divisions (STAD) on Vocabulary Learning of EFL Adult Learners. *Arab World English Journal (AWEJ)* Volume 8, 356-375.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Nadhilah Abdul Pisal & Kamarul Shukri Mat Teh (2019). Kajian Rintis Strategi Pembelajaran Kemahiran Berbahasa Arab. e-Bangi, 16(7)

Nengah Dwi Handayani & Dewa Gd. Ag. Gana Kumara (2018). The Implementation Of Student Team Achievement Division And Picture Series On Improving The Speaking Skill Of The 3rd Grade Students Of Cipta Dharma Elementary School In Academic Year 2016/2017. SHS Web of Conferences 42, 00103 (2018). Mahasaraswati University: Denpasar, Bali, Indonesia.

Newman, W. L. (1991). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches.* Boston, MA: Allyn and Bacon.

Noraziah Ramli (2016). *Keberkesanan pembelajaran koperatif model Student Teams Achievement Divisions (STAD) dalam Fizik terhadap pencapaian pelajar*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Nurashida Lockman (2005). *Keberkesanan Model Pembelajaran Koperatif (STAD) dapat meningkatkan Penguasaan Konsep Struktur Atom di Kalangan Pelajar Tingkatan 4.* Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nurulhuda Ngasiman (2014). *Kesan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik.* Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nur Syaza Farha Diyazid, Shamsudin Othman & Azhar Md Sabil (2017). Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Jigsaw II Terhadap Pencapaian Pembelajaran Teks Puisi Tradisional Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 41-50.* Universiti Putra Malaysia.

Nur Shawati Abdul Malik Yee (2017). *Kesan Penggunaan Pembelajaran Koperatif Informal ke atas Pencapaian dan Tahap Miskonsepsi Pelajar dalam Tajuk Asid dan Bes*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Perak.

Piaw, C. Y. (2013). *Mastering research statistics. Malaysia*: McGraw Hill Education, New York, United States.

